

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : 9 Mei 2012 (Rabu)
Jam : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4	Y.B. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6	Y.B. Dato' Mansor Bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I/ Penanti
7	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/ Machang Bubuk

17	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
18	Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
19	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
20	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
21	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
22	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
23	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
24	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
25	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
26	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
27	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
28	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
29	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
30	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
31	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
32	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
33	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban

TIDAK HADIR

1	Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim	Penaga
2	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
3	Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
4	Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
5	Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
6	Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
7	Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
8	Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya	Permatang Berangan
9	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
10	Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
11	Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab	Bertam

TURUT HADIR

Encik Md Puat bin Romli - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang pada jam 9.45 pagi

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita mulakan sidang Dewan pada pagi ini saya ingin mengulas beberapa kekecohan yang berlaku di Dewan ini pada pagi 8 Mei 2012, sikit ulasan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perkara ini tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang. Pada pagi 8hb. Mei 2012 seorang Ahli Berhormat Penaga telah menyebut dalam Dewan ini untuk membuat laporan Polis dan MACC bahawa verbatim Dewan ini boleh dimanipulasi.

Sebagai Speaker, saya memandang berat dan serius kenyataan oleh Yang Berhormat Penaga, yang bagi saya cuba mengelirukan Dewan dan mempertikaikan integriti Dewan dan kakitangannya dan kerusi Speaker yang saya berusaha memastikan berlaku adil dalam membuat sesuatu keputusan. Dalam kenyataan Yang Berhormat Penaga semalam beliau cuba mengandaikan bahawa verbatim ini boleh dimanipulasi. Ahli-ahli Yang Berhormat kenyataan yang keluar dari Yang Berhormat Penaga yang berkhidmat di Dewan selama lima (5) penggal dan juga Ketua Pembangkang adalah amat dikesali.

Kejadian ini merupakan penghinaan kepada status Dewan sebagai sebuah Insititusi Badan Perundangan yang bebas dan mencemar kemuliaan Dewan ini. Yang Berhormat Penaga bukan sahaja tak menghormati Dewan bahkan integriti Speaker dan kakitangan yang menyediakan verbatim ini. Seperti yang Ahli Berhormat semua sedia maklum ini boleh diikuti oleh orang ramai melalui secara *live streaming* melalui internet. Persoalan mengenai manipulasi tidak sepatutnya timbul langsung dan kenyataan verbatim ini boleh dimanipulasi adalah satu kenyataan yagn tidak bertanggungjawab oleh seorang Ahli Dewan ini. Ini merupakan titik hitam dalam sejarah Dewan ini di mana Ahli Dewan mempertikaikan integriti Dewan sebagai satu Badan yang bebas.

Sebelum ini juga saya telah Yang Berhormat Pulau Betong juga ditegur cuba mengheret Speaker dalam perbahasan dan saya telah pun menegur perbuatan tersebut. Ahli-ahli Berhormat untuk menghukum seorang Ahli Dewan, bila kita menghukum seorang Ahli Dewan untuk memberi kesedaran dan pengajaran kepada Ahli Dewan tersebut supaya melanggar peraturan Dewan tidak diulangi.

Yang Berhormat Penaga juga pernah diminta keluar Dewan atas perbuatan melanggar peraturan Dewan dan pernah juga dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan serta digantung daripada Dewan ini.

Saya berharap kejadian ini menjadi peringatan dan pengajaran kepada semua Ahli Dewan. Ahli-ahli Berhormat diminta bertanggungjawab dan *accountable* atas apa jua keadaan dan kenyataan yang dikeluarkan. Apa sahaja kenyataan yang dikeluarkan perlu ada fakta dan tidak membuat andaian yang boleh menimbulkan kontroversi dan kekecohan dalam Dewan. Seperkara lagi saya dapati dalam Dewan ini juga perbincangan isu-isu berhubung dengan soal agama dan bangsa, masih lagi menjadi soal yang sensitif dan belum lagi Ahli-ahli Dewan, saya berharap dalam membincangkan isu-isu ini membincangkan secara rasional dan matang dan tidak ikut emosi.

Jadi inilah pesanan dan saya berharap masa-masa akan datang Dewan kita lebih, bila dalam perbincangan kita lebih bertertib supaya isu-isu permasalahan rakyat diselesaikan. Saya mulakan dengan sidang ini. Sebelum itu saya ada menerima usul bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebelum itu saya minta izin Y.B. Dato' Speaker, tentang amanat tadi yang disampaikan oleh Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin menyatakan bagi pihak ADUN-ADUN daripada Parti Kerajaan, bahawa kita memang tidak pernah mempertikaikan kewibawaan integriti pihak Speaker dan khususnya jururakam atau jurutrenkas yang menjalankan tugas, malah saya ingin menyatakan bahawa dalam sejarah demokrasi Malaysia selama 55 tahun, tidak pernah ada mana-mana pihak baik daripada pembangkang ataupun daripada Parti Kerajaan yang pernah mempertikaikan kesahihan ketepatan ataupun integriti pita rakaman yang disiarkan dan apa yang berlaku semalam adalah satu hari hitam untuk demokrasi bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di Malaysia, kerana ini kali pertama apa yang dirakam dalam pita rakaman dipertikaikan sebagai manipulasi dan saya rasa untuk membuat tuduhan ini bukan sahaja menghina dan mencemar Speaker dan institusi Parlimen tetapi juga mempertikaikan kewibawaan jurutrenkas seramai 21 orang yang berkerja secara profesional, mereka bukan kerja sebagai ahli politik tetapi mereka mengikut apa yang telah diucap oleh ADUN-ADUN dan untuk mengheret mereka manipulasi sama juga Speaker. Saya rasa sesuatu yang tak boleh dibenarkan dan ini saya nak rekod bahawa bagi pihak semua Parti Kerajaan kita menyatakan sokongan keyakinan penuh ke atas Speaker untuk menjalankan tugas yang berat ini dengan adil dan juga kepada jurutrenkas.

Dan saya rasa menjalankan tugas merekod apa yang terjadi dan bagi pihak Kerajaan kita juga sama-sama nak mengecam tindakan Ketua Pembangkang yang membuat fitnah liar bahawa verbatim, hansard telah pun dimanipulasikan dan tak pernah berlaku dalam demokrasi Malaysia dan kita ingin mengecam ini dan pada masa yang sama ingin memberikan sokongan kepada Dato' Speaker untuk menjalankan tugas. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Menteri, sebelum itu saya minta peringatan terdapat bunyi gangguan *hand phone* dan sebagainya supaya tidak ada berkenaan dengan kerana ini mengganggu verbatim kita, sebarang percakapan bisik-bisik, *small talk* dibelakang ataupun akan mengganggu verbatim kita. Saya minta kerjasama semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima usul daripada Yang Berhormat usul bertulis daripada Yang Berhormat Datok Keramat usul di bawah Peraturan 34 (iv) dan 34 (ix) berbunyi bahawa Dewan membuat ketetapan supaya Ahli Kawasan Penaga digantungkan kerja sebagai seorang Ahli dan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah peraturan 34 (iv) dan 34 (ix) di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kerana menghina kemuliaan Dewan, Speaker dan kakitangan Dewan. Bila menyebut bahawa verbatim boleh dimanipulasi pada persidangan 8hb. Mei 2012.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker, usul yang saya bawa Usul 34 (iv) di mana menghendaki seseorang ahli itu dirujuk kepada jawatankuasa dan (ix) untuk mengantungkan seseorang dalam ahli berdasarkan observasi pagi tadi oleh Yang Berhormat Dato' Speaker apa yang berlaku semalam dan saya mempunyai hansard tentang apa yang berlaku semalam di mana sebelum Ahli Penaga menyatakan perkara berkenaan verbatim boleh dimanipulasi. Yang Berhormat Dato' Speaker sendiri bahawa kita boleh semak dalam verbatim berkenaan yang berlaku sebelum itu walaupun yang terhormat Dato' Speaker berkata demikian Ahli Penaga telah menyatakan demikian.

Saya bacakan Yang Berhormat Dato' Speaker. "Saya sikitpun tak dapat terima Yang Berhormat Dato' Speaker kata semak verbatim, verbatim itu bilapun boleh di *manipulate*". Y.A.B. Ketua Menteri bohong banyak sangat duduk, duduk". Yang pertama; dan

Kedua saya baca apa yang beliau berkata saya semua dengar.

“You kata keluar dan keluar report Polis dan SPRM kerana *manipulate* verbatim ini”. Now Dato' Speaker, memandangkan keseriusan tohmahan yang telah dibuat oleh Ahli Penaga, saya membawa usul ini agar beliau pertamanya digantungkan kerja dan kemudiannya juga dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana telah bertindak secara tidak bertanggungjawab sebagai Ahli Dewan ini kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kata tadi hansard itu adalah tidak boleh dipertikaikan dan juga verbatim. Kerana ini apa yang dicatat oleh *stenographer*, mereka tak boleh dipersalahkan mereka tidak bekerja sebagai berpihak kepada mana-mana parti Politik dan mereka adalah kakitangan awam dan apabila kita menyoal kewibawaan dan kesahihan verbatim tersebut maka kita menyoal kewibawaan kakitangan awam tersebut.

Ini adalah satu perkara seperti Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyatakan tadi kali pertama di sejarah Malaysia berlaku, kita boleh soal sesuatu keputusan yang dibuat oleh Speaker, itu biasanya juga dibuat di Parlimen tetapi sepanjang pengetahuan saya dan juga Ketua Menteri langsung dalam sejarah Malaysia ketepatan verbatim dan hansard itu tidak dipersalahkan dan apabila ini dibuat di Pulau Pinang di Dewan yang mulia ini kata kita boleh manipulasi verbatim ini adalah satu *allegation* dan tohmahan yang begitu serius. Dan oleh itu Y.B. Dato' Speaker, usul ini boleh dibenarkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya sokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Dato' Speaker, saya telah berada di Dewan ini dan saya telah nampak apa yang berlaku untuk seorang Ketua Pembangkang yang merupakan yang statusnya begitu tinggi mempertikaikan Dewan adalah tidak langsung tidak dapat diterima dan ini adalah institusi demokrasi negara kita dan saya tahu bahawa semua pegawai-pegawai kerajaan yang cuba mencatat verbatim secara tepat dan tiap-tiap kali mereka bekerja secara jujur dan semua ini adalah satu bekerja untuk institusi ini. Adalah tidak tambahan pula ini semua telah direkod dalam video dan secara *live* kepada seluruh Malaysia dan dunia.

Jadi ini adalah mempertikaikan sebuah institusi ini adalah cukup dikesalkan. Saya pun tahu bahawa sepanjang empat (4) tahun di sini saya nampak Speaker cuba menjalankan tugas secara adil cuba setiap kali memberi ruang kepada pembangkang atau kepada semua untuk menghujah dan ini tetapi mereka telah menggunakan peluang ini untuk *attack* institusi Dewan ini adalah satu yang cukup serius dan ini bukan kali pertama sebab Ahli Penaga walaupun lima (5) *term*, kita pernah tengok dia tunjuk punggung, dia pernah cuba men *create* ketegangan masyarakat dengan kata 13 Mei dengan Ahli 3 line, PERKIDA akan dan sebagainya dia kata dia ada Polis, PERKIDA dan ini adalah isu serius. Jadi saya rasa ini sebagai ahli yang 5 *term* dan bertanggungjawab dan tahu institusi ini dan apa yang dia katakan dan dia perlu dihukum. Sekian terima kasih, saya menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat permasalahan yang dihadapi sekarang adalah usul daripada Y.B. Datok Keramat yang berbunyi bahawa Dewan telah membuat ketetapan supaya Ahli Kawasan Penaga digantung kerja sebagai seorang Ahli dan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan 34 (iv) dan 34 (ix) di bawah Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri dan menghina kemuliaan Dewan, Speaker, kakitangan apabila menyebut verbatim boleh dimanipulasi pada persidangan pada tarikh 8hb. Mei 2012.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Speaker:

“Ya” lebih banyak. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara bersampingan dengannya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang untuk mengadakan peruntukkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara yang bersampingan dengannya.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan pada kali pertama.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Dato' Speaker, mengikut Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya beri kebenaran silakan.

Setiausaha:

Rang Undang-undang untuk meminda untuk mengadakan peruntukan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara bersampingan dengannya bacaan kali yang kedua.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Dato' Speaker pada satu hari yang bersejarah ini saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk mengadakan peruntukkan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa yang bersampingan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Y.B. Dato' Speaker, di antara tahun 1951 dan 1965 negara ini mengamalkan satu sistem demokrasi tempatan, di mana Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dipilih secara langsung oleh penduduk tempatan. Pada tahun 1961 Kerajaan Persekutuan memansuhkan Majlis Bandaran Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Municipal Council) yang dipilih rakyat. Dan kemudiannya 1965 dengan menggunakan alasan konfrantasi dengan Indonesia Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat dan menggantungkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam semua negeri di Malaysia. Y.B. Dato' Speaker, Perdana Menteri pada waktu itu, Tunku Abdul Rahman telah berjanji kepada Dewan Rakyat bahawa Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan dipulihkan apabila konfrontasi tamat. (Dengan izin), kata-kata tuanku yang dicatat dalam hansard yang tidak dimanipulasikan pada masa itu, Tunku berkata, ...(dengan izin),

“as soon as this peace and quietness has returned we would make haste with all proper preparations for the local council elections. The very moment peace is declared I can assure this House that the elections will be held”.

Y.B. Dato' Speaker, Konfrontasi Indonesia tamat pada tahun 1966 tetapi pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dipulihkan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Perikatan yang kini dikenali sebagai Barisan Nasional. Pada tahun 1968, satu Jawatankuasa Diraja untuk Kerajaan Tempatan yang dipimpin oleh Senator Athi Nahappan telah mengesyorkan pemulihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam laporan petikan, ...(dengan izin),

“we therefore recommend that voting in local government elections in the country should continue on the voluntary basis as has been hitherto. We therefore recommend that every local authority should have a representative body known as the Council and all the Councilors of a Municipality should be elected by citizens of the authority area and by popular franchise”.

Namun perkara ini telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan. Baru-baru ini pada akhir tahun 2011, Parlimen meluluskan usul untuk memansuhkan Pengisytiharan Darurat yang masih berkuatkuasa. Namun disebabkan Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan masih tidak dipulihkan.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan merupakan perkara di bawah bidang kuasa Negeri. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa di bawah Seksyen 1 (4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk mengecualikan Kerajaan Tempatan daripada mana-mana atau kesemunya peruntukan akta tersebut. Maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpandangan bahawa selepas 45 tahun konfrontasi berakhir, sudah tiba waktunya untuk Pulau Pinang, MPPP dan MPSP dibebaskan daripada peruntukan-peruntukan anti demokratik yang dipaksakan oleh Kerajaan Persekutuan. Pilihan Raya Kerajaan Tempatan harus dipulihkan, hak rakyat untuk memilih Kerajaan harus diagungkan.

Y.B. Dato' Speaker, sememangnya pada Pilihan Raya Tahun 2008, DAP telah berjanji untuk memulihkan undi ketiga ini sekiranya kami diberi tampuk kuasa. Bersama rakan-rakan kami dalam Pakatan Rakyat kami dipilih rakyat untuk mentadbir lima negeri termasuk Negeri Pulau Pinang. Saat bersejarah itu jugalah satu waktu yang membawa pelbagai emosi kerana selepas 46 tahun berjuang di belantara, kami kini diberi mandat untuk menjadi kerajaan. Dalam tempoh empat tahun yang lepas, kerajaan ini telah berusaha untuk menunjukkan janji-janji sebenarnya boleh dikotakan.

Secara kronologinya, usaha Kerajaan Negeri mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut:

Pada 14hb. Julai 2009, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meluluskan agenda untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) namun ditolak melalui surat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 3hb. Ogos 2009.

Usaha-usaha diteruskan oleh Kerajaan Negeri dengan membawa usul kepada Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada 11hb. Ogos 2009 telah meluluskan usul dengan sebulat suara meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

Pada 4hb. Mac 2010, pihak Kerajaan Negeri telah menulis kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memohon supaya SPR menjalankan pilihan raya tempatan untuk memilih Ahli-ahli Majlis MPPP dan MPSP tetapi permohonan ini juga ditolak. Pada 12hb. Mac 2010 Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah menulis kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan mencadangkan mengadakan satu perjumpaan untuk membincangkan kedudukan Pulau Pinang dalam hal ini. Sekali lagi permintaan Kerajaan Negeri tidak mendapat sebarang jawapan.

Y.B. Dato' Speaker, Artikel 113 (iv) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukan bahawa Undang-undang Persekutuan atau Negeri boleh memberi kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya dan membenarkan SPR menjalankan pilihan raya selain untuk Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai Kedua, Senarai Negeri 4 (a) Perkhidmatan Kerajaan Tempatan, Kadar Tempatan, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini adalah bukti lanjut bahawa Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah Hal Ehwal Kerajaan Negeri dan bidang kuasa Dewan yang mulia ini. Oleh itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui satu warta pemberitahuan gazet (*gazette notification*) telah mengecualikan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang daripada Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan yang menggantung Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Melalui warta tersebut Seksyen 15 tidak lagi berkuatkuasa untuk kedua-dua PBT iaitu MPPP dan MPSP.

Y.B. Dato' speaker komitmen Kerajaan Negeri adalah jelas. Setelah mendapatkan khidmat nasihat daripada panel peguam dalam hal ehwal perundangan perlembagaan, kita telah memutuskan untuk mengambil langkah untuk membuang apa-apa kekeliruan tentang hal ini. Untuk tujuan ini saya membentangkan satu Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Usaha ini sejajar dengan perenggan 4 (a) dalam Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Enakmen ini setelah diluluskan juga akan memberi kuasa kepada SPR untuk menjalankan pilihan raya tempatan tanpa apa-apa lagi syak wasangka.

Y.B. Dato' Speaker, Rang Undang-undang Pilihan Raya Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012 mengandungi 6 bahagian dengan 23 seksyen beserta 2 jadual. Seperti yang dimaktubkan di Fasal 1(2) Rang Undang-undang atau enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa dalam kawasan-kawasan tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.

Fasal 2 mentakrifkan beberapa perkataan dan pengungkapan yang digunakan dalam enakmen yang dicadangkan.

Fasal 3 hal ehwal perbandaran tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini hendaklah ditadbir oleh ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat terdiri daripada Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua dan tidak lebih daripada 48 Ahli Majlis yang lain.

Fasal 4 Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Suruhanjaya Pilihan Raya berkenaan dengan sempadan kawasan tempatan dan bilangan Ahli Majlis yang hendaklah dipilih bagi pihak berkuasa tempatan itu, melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengarahkan supaya seluruh Ahli-ahli Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dipilih di bawah enakmen ini.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan hilang kelayakan sebagai Ahli Majlis dan menghalang Ahli Majlis daripada dicalonkan untuk pilihan raya tanpa persetujuan mereka.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peletakan jawatan Ahli Majlis.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kerusi daripada Ahli Majlis yang diisytiharkan kosong sekiranya ketidakhadiran berulang.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menentukan sama ada Ahli Majlis telah hilang kelayakan.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengendalian kekosongan di kalangan Ahli Majlis.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengisian kekosongan di kalangan Ahli Majlis.

Sementara Fasal 12 Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan diadakan dan Ahli-ahli Majlis yang dipilih bagi setiap pilihan raya umum kepada Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah tertakluk kepada Enakmen ini. Memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Seseorang hendaklah layak untuk menjadi Ahli Majlis, sehubungan dengan mana-mana kawasan tempatan, dia seorang pemilih yang namanya pada tarikh pencalonan ada pada daftar pemilih untuk kawasan pilihan raya tempatan atau bahagian kawasan tempatan dan dia tidak hilang kelayakan di bawah perenggan 2 Jadual Kedua.

Seseorang akan hilang kelayakan dari menjadi Ahli Majlis jika dia adalah atau didapati atau disahkan tidak waras, dia seorang yang mufis dan belum dilepaskan, dia telah disabitkan bersalah atas kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 atau dikenakan tindakan undang-undang berkaitan mana-mana pilihan raya di Malaysia dan didapati bersalah melakukan perbuatan berkenaan kesalahan itu.

Saya berharap dengan Enakmen baru yang dengan jelasnya memuktubkan pemulihan pilihan raya tempatan, SPR tidak akan lagi berhadapan dengan dilema sama ada perlu bertindak mengikut pergantungan yang dimahukan dan Kerajaan Persekutuan ataupun menuruti bidang kuasa negeri dalam hal ini. Berkenaan kedudukan Perlembagaan, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa Pulau Pinang boleh mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tanpa bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Negara Malaysia. Oleh itu kami berharap SPR akan bertindak *Independence*, adil, saksama dan bersih dalam bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Misi Kerajaan Negeri untuk memulangkan undi ketiga kepada rakyat bukanlah suatu permainan politik tetapi adalah untuk menunaikan hasrat tuntutan rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sealiran dengan prinsip demokrasi *no taxation without representation* (tiada cukai tanpa perwakilan), di mana rakyat diberi hak demokrasi untuk memilih wakil-wakil di dalam Kerajaan Tempatan. Oleh kerana rakyat membayar cukai kepada pihak berkuasa tempatan maka patutlah juga mereka diberikan hak untuk memilih wakil-wakil dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. DAP dan Pakatan Rakyat komited dalam merealisasikan aspirasi rakyat yang mahukan negara ini ditadbir secara demokratik. Sesungguhnya dalam sesuatu demokrasi, kerajaan mesti dipilih rakyat. Malangnya Barisan Nasional gagal untuk faham dan menerima hakikat ini. Mengapa terus menggantung pilihan raya? Mengapa terus menafikan hak rakyat untuk memilih kerajaannya

Sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu dipilih rakyat, mengapakah Kerajaan Tempatan yang turut membuat undang-undang dan dasar-dasar pada peringkat tempatan tidak dipilih penduduk tempatan? Hujah bahawa pilihan raya tempatan sudah digantung tidak boleh diterima pakai kerana pergantungan ini tidak lagi mempunyai sebab yang *valid*, boleh diterima akal ataupun munasabah. Pergantungan yang berterusan ini adalah pergantungan yang haram. Konfrontasi sudah berakhir 45 tahun yang lalu. Perisytiharan Darurat sudah pun dimansuhkan dan Negeri Pulau Pinang akan pulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker, saya merayu kepada Ahli-ahli Dewan ini khususnya dan malangnya Ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak hadir untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Undilah dengan suara hati nurani. Undilah demi mempertahankan hak rakyat. Sesungguhnya Kerajaan Negeri tiada niat jahat dalam usaha ini. Kita percaya pembayar cukai dan penduduk tempatan haruslah diberi kuasa untuk memilih dan memutuskan wakil-wakil mereka dalam Kerajaan Tempatan. Saya berharap Ahli-ahli Dewan ini akan menyokong usaha ini. Y.B. Dato' Speaker, sekian dipohon saya mencadangkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Enakmen untuk mengadakan peruntukkan bagi pilihan raya bagi Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai bagi beberapa perkara yang bersampingan dengannya. Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 yang dibentangkan di Dewan yang mulia hari ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha berterusan Pakatan Rakyat mereformasikan politik yang dijanjikan sejak tahun 1999 terutama pada pilihan raya 2008.

Rakyat telah memberi mandat dan peluang kepada Pakatan Rakyat untuk membuktikan reformasi politik ini yang dijanjikan akan diusahakan. Hal ini berbeza sekali dengan Barisan Nasional yang kononnya hendak mengadakan transformasi mulai 2012 tetapi sebaliknya semua itu adalah sandiwara. Ini terbukti apabila beberapa Rang Undang-undang dibentangkan dan diluluskan di Parlimen atau ...(dengan izin), *bulldoze thru* di Parlimen baru-baru ini tetapi hanya menukar kulit seperti beberapa pindaan seperti ISA, SPR, kebebasan berkumpul dan lain-lain. Perkara ini semua dilakukan sebagai satu cubaan untuk mengaburkan mata rakyat sebelum PRU Ke-13 yang akan datang dan tidak terdapat perubahan yang dijanjikan.

Y.B. Dato' Speaker, usaha Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang bermula pada tahun 2008/2009 setelah mengambil alih Kerajaan Negeri dan berterusan seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Padang Kota dan hari ini ialah hari bersejarah bagi rakyat Pulau Pinang khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Sejarah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Malaysia juga bermula di Pulau Pinang seawal 1848 atau 1857 ada terdapat perbezaan fakta. Walau bagaimanapun Pulau Pinang iaitu di antara koloni British yang terawal mengecapi pilihan raya yang mana kuasa rakyat bagi memerintah dihormati.

Pada tahun 1913 PKT dimansuhkan tetapi pada awal 1951 semasa usaha mendapatkan kemerdekaan satu Rang Undang-undang diluluskan *The local Authority Election Ordinance* 1950 telah diluluskan dan pilihan raya telah diadakan pada tahun 1951 dan 1952 KL Municipality, yang mengadakan pilihan rayanya yang pertama yang mana juga mencatat sejarah gabungan parti UMNO dan MCA bergabung menubuhkan Parti PERIKATAN. Selepas itu, beberapa lagi *Municipalities* telah mengadakan Pilihan Raya KT seperti Kuantan, Pahang, Kota Bharu Kelantan, Ipoh dan Menglembu Perak dan banyak.

Insya-Allah jika Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sekali lagi Dewan Undangan Negeri yang bersidang hari ini dan rakyat Pulau Pinang yang memberi mandat dalam PRU ke-12 kepada Kerajaan PR Pulau Pinang akan mencatat sejarah mengembalikan hak rakyat bagi memilih wakil dalam Kerajaan Tempatan atau *the third vote*...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, pemilihan bagi Kerajaan Tempatan adalah satu perkara yang dihormati dan sebagai sebahagian daripada sistem kebanyakan negara demokrasi di dunia tetapi yang anehnya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan juga wujud di negara-negara bukan demokrasi seperti Komunis China dan sebagainya. Di Malaysia, tahun 1951 sebelum kemerdekaan Badan yang menggubal Perlembagaan Persekutuan Suruhanjaya Reid telah menggubal perlembagaan dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sebagai *the third vote* dan dikendalikan oleh Kerajaan Negeri.

Dalam tahun 1960 Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dipinda kuasa mengendalikannya kepada SPR. Tetapi malangnya 1961 Kerajaan PERIKATAN pada masa itu telah memansuhkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Kuala Lumpur dan seterusnya 1965 memansuhkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seluruh Malaysia dengan alasan konfrontasi dengan Indonesia. Konfrantasi berakhir pada 1966 dan 1968 Suruhanjaya Diraja Kerajaan Tempatan yang diketuai oleh Senator Athi Nahappan mencadangkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dipulihkan kembali tetapi ditolak oleh Kerajaan Pusat pada masa itu.

Y.B. Dato' Speaker, keputusan mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini ialah bagi memastikan yang rakyat Pulau Pinang khasnya dapat menikmati kebebasan memilih dan suara rakyat dan pembayar cukai didengari. Selain dari itu, penyelewengan yang dapat kita lihat hari ini yang berlaku dapat diatasi. Di Malaysia, terdapat 133 Kerajaan Tempatan dengan perbelanjaan sebanyak RM13 billion, bayangkanlah berapa banyak wang diijamatkan jika Kerajaan Tempatan mempunyai akauntabiliti kepada pengundi.

Contoh yang paling ketara ialah Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang sendiri di mana banyak keputusan dan perbelanjaan yang tidak baik. Nasib baiklah Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Pulau Pinang dengan prinsip CATnya dapat menyelamatkan keadaan seperti yang berlaku di MPSP. Bayangkanlah jika Dato' Bandar Kuala Lumpur dipilih oleh rakyat KL bolehkah beliau mengambil keputusan menutup Dataran Merdeka baru-baru ini untuk perhimpunan BERSIH. Lihat sahaja apa yang berlaku di Pulau Pinang dengan Kerajaan PR Padang Kota Lama dapat digunakan untuk perhimpunan BERSIH. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli yang Berhormat, sesi perbahasan dimulakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian silakan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Enakmen Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai tahun 2012 yang dibentangkan sempena Persidangan DUN yang mungkin kali terakhir diadakan menjelang pilihan raya yang akan datang. Jikalau dengan lulusnya Rang Undang-undang dalam persidangan Dewan yang mulia ini kali ini, dapatlah Kerajaan Negeri memberi komitmen bahawa pilihan raya dapat dianjurkan dengan serentak dengan pilihan raya umum dengan pastinya dapat menonjolkan makna pilihan raya Kerajaan Tempatan sebagai undi yang ketiga yang dikembalikan pada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, kita telah kehilangan undi ketiga sejak tahun 1965 di mana ianya telah ditangguhkan dengan alasan konfrontasi Malaysia dengan Indonesia ini seterusnya telah dibatalkan apabila Akta Kerajaan Tempatan 1976 diperkenalkan. Namun, Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 masih belum dibatalkan dan berkuatkuasa sehingga hari ini. Jadi saya amat hairan kenapa perlunya satu perundangan diperkenalkan melalui Dewan yang mulia ini.

Kedua-dua akta dan Rang Undang-undang yang kita bahaskan berformat hampir sama di mana kedua-duanya terdapat 24 seksyen atau peruntukkan. Mungkin Rang undang-undang ini lebih mengambil kira keadaan semasa di Negeri Pulau Pinang dengan menetapkan maksimum 48 orang Ahli Majlis boleh dipilih oleh MPPP atau MPSP. Logiknya bagi Kerajaan Negeri menetapkan bilangan maksimum yang lebih tinggi bagi Ahli-Ahli Majlis MPPP dan MPSP dipilih menunjukkan betapa beratnya bidang tugas Ahli Majlis. Negeri Pulau Pinang hanya terdiri daripada Kerajaan Tempatan iaitu MPPP bagi bahagian Pulau dan MPSP bagi Seberang Perai. Apabila seseorang Ahli Majlis dilantik ia tidak mewakili mana-mana kawasan tertentu tetapi keseluruhan kawasan pentadbiran sesebuah Majlis Perbandaran. Mereka tidak dapat menolak permintaan seseorang rakyat dari mana-mana kawasan untuk mendapatkan bantuan atau khidmat nasihat seorang Ahli Majlis. Maknanya kalau yang diperolehi oleh setiap Ahli Majlis adalah begitu kurang iaitu paling maksimum hanya RM1,300 sehingga mereka tidak dapat menumpukan segala fokus atau perhatian mereka terhadap tugas mereka.

Hanyalah dengan Pilihah Rya Kerajaan Tempatan dan peningkatan dari segi elaun, kita dapat menggalakkan lebih ramai Ahli Majlis bekerja atau berkhidmat lebih masa untuk menawarkan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri sering menerima aduan daripada rakyat berkenaan dengan masalah-masalah longkang tersumbat, sampah sarap yang tidak dibersihkan, lampu jalan yang tidak berfungsi dan sebagainya. Ini sepatutnya merupakan aduan yang perlu ditangani oleh seorang Ahli Majlis. Atas sebabnya yang berkaitan langsung dengan bidang kuasa sesebuah PBT. Disebabkan tiada pilihan, rakyat Kerajaan Tempatan seseorang Ahli Majlis tidak merasa tekanan rakyat, jikalau sesuatu aduan rakyat tidak ditangani dengan baik. Terdapat Ahli-Ahli Majlis tidak dilantik sehingga hari ini bermulanya dari saat dari Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bahkan negeri-negeri yang lain terdapat juga Ahli-ahli majlis telah dilantik lebih daripada 20 tahun. Terdapatnya Ahli-ahli Majlis yang dilantik bukan berdasarkan prestasi mereka. Tetapi sekadar bergantung kedudukan mereka dalam politik masing-masing. Ini bukanlah satu jalan yang sihat.

Sekiranya aduan rakyat tidak dapat ditangani oleh seorang Ahli Majlis, maka rakyat terpaksa menghubungi ADUN atau Parlimen bagi menangani masalah mereka wakil rakyat bukan segala-galanya. Di mana seseorang Ahli Majlis juga perlu diwakil rakyatkan melalui pemulihan semula Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang. Saya ingin cadang untuk meringankan beban atau untuk melicinkan atau meningkatkan prestasi sesebuah Majlis Bandaran. Selain daripada berdasarkan bilangan KADUN yang sedia ada, saya ingin cadang supaya mana-mana kawasan KADUN di mana pemilih yang lebih daripada 20,000 orang maka perlulah ada Ahli Majlis yang kedua daripada kawasan tersebut. Maka dengan formula ini terdapat 9 kawasan di Seberang Perai yang boleh dipilih Ahli Majlis yang kedua bagi KADUN tersebut. Jadi daripada 21 terutamanya 9 dari kawasan-kawasan yang lebih daripada 20,000 pengundi seperti Sungai Puyu, Seberang Jaya, Bagan Ajam, Berapit, Permatang Pasir, Berapit, Machang Bubok, Padang Lalang, Bukit Tambun dan Jawi maka kita boleh pilih 30 orang Ahli Majlis dari Seberang Perai.

Untuk bahagian Pulau pula, berdasarkan bilangan pemilih mengikut daftar pemilih sehingga suku tahun keempat 2011, maka kita ada tambahan 9 orang Ahli Majlis bagi kawasan yang melebihi 20 ribu orang pemilih, kawasan ini ialah Datok Keramat, Sungai Pinang, Batu Lancang, Seri Delima, Paya Terubong, Batu Maung, Batu Uban, Pantai Jerejak dan Bayan Lepas. Jadi bahagian Pulau saya rasa formula ini kita boleh memilih 28 Ahli Majlis. Dan bilangan ahli majlis yang dipilih itu akan bertambah sekiranya bilangan pemilik akan meningkat dalam masa terdekat.

Y.B. Dato' Speaker, terdapat sedikit kekurangan dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan. Di mana tiadanya hak perbelanjaan ditetapkan di dalam setiap calon yang dipertandingkan. Hak perbelanjaan seorang calon ADUN hanya RM100,000.00 dan seorang calon Parlimen pula RM200,000.00. Maka perbelanjaan seorang calon Ahli Majlis tidak harus melebihi RM30,000.00. Hak tersebut perlu ditetapkan supaya seseorang calon ahli majlis tidak berbelanja secara boros semasa pilihan raya, supaya beliau tidak akan cuba sedaya upaya untuk mendapat balik wang tersebut. Melalui kepentingan jawatannya dalam sesebuah PBT apabila terpilih nanti. Deposit setiap calon tidak harus melebihi RM2,000.00 dan deposit poster seseorang calon tidak harus melebihi RM500.00.

Ini secara tidak langsung dapat mengekang bahang pilihan raya demi memastikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak dipertandingkan dalam saiz atau segala sebuah pilihan raya umum. Kita harus memberi fokus terhadap dasar-dasar baru atau manifesto yang ingin diperkenalkan oleh sesebuah parti politik yang bertanding untuk mereformasikan sesebuah PTB dan bukan sekadar politik mempolitik sahaja. Rang undang-undang tersebut tidak membenarkan Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua dipilih melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Adakah ini bermaksud Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua dipilih dari kalangan Ahli-ahli Majlis yang terpilih. Mengapakah seseorang Yang DiPertua atau Timbalan Yang Dipertua tidak boleh dipilih secara langsung dari rakyat jelata atau Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 memperuntukkan Rang untuk Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua dipilih oleh rakyat melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Tetapi Rang Undang-undang yang dibahaskan tidak memperuntukkan rang sedemikian. Seseorang calon Yang Dipertua haruslah seorang yang disanjung tinggi serta keupayaan profesional tertentu seperti memiliki kepakaran sebagai perancang bandar, maka seseorang yang ingin dipilih sebagai Yang Dipertua haruslah dipilih secara langsung oleh rakyat jelata dan bukannya dari kalangan Ahli-ahli Majlis yang terpilih. Dengan adanya sistem Yang Dipertua dipilih secara langsung, maka rakyat bukan sahaja dikembalikan undi ketiga, mungkin undi keempat lagi.

Y.B. Dato' Speaker, konsep pembayar cukai merupakan satu konsep yang penting dalam menentukan sama ada seseorang berkeelayakan sebagai calon dalam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan selain membayar cukai taksiran, seseorang juga perlu membayar berbagai caj atau bayaran yang dikenakan dan dipungut oleh sesebuah majlis. Maka adalah perlu bagi seseorang yang tidak menjelaskan tunggakan cukai dilucutkan atau tidak dicalonkan sebagai calon untuk dipilih ke dalam PBT yang berkaitan. Jikalau seseorang Ahli Majlis tidak menjelaskan tunggakan cukai atau bayarannya,

macam mana calon tersebut dapat dijadikan suatu teladan yang baik untuk menggalakkan rakyat jelata, untuk terus menjelaskan tunggakan mereka. Saya berasa amat perlunya satu mekanisma untuk mengenalpasti sama ada seorang calon telah menjelaskan semua tunggakan bayaran atau cukainya sebelum dilayakkan sebagai calon dalam sesebuah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker, untuk membolehkan Pilihan Raya PBT, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai pendekatan dalam membebaskan Negeri Pulau Pinang dalam Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kini dengan adanya Rang Undang-undang ini, kami telah menghapuskan segala halangan dari segi perundangan untuk merealisasikan matlamat tersebut dengan adanya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan maka kita boleh mewujudkan sistem glopai dalam MPPP atau MPSP. Sehingga ke tahap YDP atau keseluruhan PBT akan diterajui oleh sesebuah parti termasuk juga oleh BN. Mengapa idea yang murni ini tidak disokong oleh BN?

Saya difahamkan bahawa pengerusi BN Pulau Pinang yang baru dalam wawancara Malaysia Kini baru-baru ini tidak menyatakan sokongannya untuk Pakatan Rakyat dalam membolehkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Akan tetapi, beliau tidak menafikan bahawa BN akan menyertai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan jikalau ini tidak dapat dilangsungkan. Alasannya adalah Kerajaan Negeri seharusnya mengikut dasar Kerajaan Persekutuan. Mengapa dalam aspek lain juga Teng Chang Yeow pula sanggup membelakangkan Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan pemimpin BN untuk menyertai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Ini sekali lagi menunjukkan BN yang cakap tak serupa bikin dan gilakan kuasa sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, dalam pilihan raya tahun 2008, BN dalam manifesto pilihan raya menyatakan bahawa pemantauan dan penguasaan oleh agensi-agensi seperti BPR, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan PBT akan diperkukuhkan lagi. Ini merupakan *job string* kolot yang masih dipraktikkan oleh Barisan Nasional. Mengapa hanya pemantauan dan penguatkuasaan oleh PBT dan bukannya oleh rakyat jelata diberi penekanan, Jikalau Pilihan Raya Kerajaan Tempatan diadakan, maka mana-mana ahli majlis atau YDP didapati tidak berprestasi baik dalam tugasannya atau terlibat dalam kes-kes rasuah atau penyelewangan kuasa. Maka mereka akan diberi pengajaran atau ditolak oleh rakyat jelata.

Pada 2006 telah berlakunya satu kes di mana seorang Ahli Majlis MPPP membelakangkan UMNO. Sanggup mengugut serta mengadakan demonstrasi terhadap Y.A.B. Ketua Menteri pada masa itu untuk dikekalkan terus kedudukan Ahli Majlisnya walaupun beliau merupakan seorang mufliis pada masa tersebut. Jikalau adanya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, mana-

mana Ahli Majlis yang bertindak liar seperti ini pastinya ditolak oleh rakyat jelata. Jangan harap mereka yang berperangai demikian akan diberi mandat oleh rakyat jelata.

Y.B. Dato' Speaker, secara kesimpulannya, Pakatan Rakyat sanggup mengembalikan kuasa termasuk kuasa Kerajaan Tempatan kepada rakyat jelata, BN pula cuba dengan sedaya upaya untuk mengekalkan kuasa pemerintahan mereka termasuk Y.A.B. Perdana Menteri sendiri sanggup mempertahankan Putrajaya sehingga titisan darah yang terakhir. Ini adalah perbezaan ketara di antara BN dan Pakatan Rakyat. Kami berharap rakyat jelata dapat memberi sokongan padu terhadap Pakatan Rakyat untuk kita mengorak langkah ke Putrajaya bagi merealisasikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bukan sahaja untuk Negeri Pulau Pinang, tetapi untuk keseluruhan Malaysia. Hanya dengan adanya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, impian rakyat untuk mewujudkan negeri Pulau Pinang yang bersih, hijau, selamat dan sihat dapat menjelma. Sekian, terima kasih Y.B. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat, saya nak ingatkan supaya tidak melebihi 15 minit perbahasan ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan Enakmen yang baru ini. Sebagai permulaannya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Padang Kota yang telah mengambil inisiatif ini untuk *move* Enakmen yang berkenaan kerana ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat menepati janji, kita adalah satu parti yang menepati janji. Apabila Y.A.B. Perdana Menteri mengatakan tempoh hari bahawa kita bukan satu parti yang menepati janji, itu adalah satu tohmahan yang liar seperti mana Padang Kota nyatakan tadi. Dijanjikan apabila keamanan dipulihkan bahawa Enakmen ini akan dipulihkan, tetapi ini tidak berlaku. Dan apabila kita janji pada manifesto kita pada 2008, kita tepati janji. Itu perbezaan antara Pakatan Rakyat dan BN.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin nyatakan bahawa saya ada beberapa perkara yang saya lihat dalam draf undang-undang ini, yang mungkin kita dapat beri satu dua cadangan kerana ini adalah kita ada satu *possibility* untuk menjadikannya lebih *attractive* sekiranya saya boleh gunakan perkataan tersebut. Saya ada nampak satu dua perkara dalam Rang Undang-undang ini yang mungkin saya ingin cadangkan kita tambahkan sekiranya boleh seperti mana dinyatakan tujuan ataupun *spirit* Rang Undang-undang ini

dipulihkan. Dan apabila ini berlaku, apabila seseorang caunselor itu dipilih dan bukannya dilantik, dia akan menjadi lebih bertanggungjawab. *Now* saya mempunyai kekhuatiran di mana kita boleh melihat kes-kes lompat parti apabila kita lihat seseorang itu dipilih tiba-tiba dia lompat parti. So mungkin kita boleh ada satu peruntukan dalam Rang Undang-undang ini melarang lompat parti apabila dilantik pun, adalah seorang caunselor yang telah lompat, tapi tak ada parti pun tak mahu ambil dia. Tapi itu yang saya khuatir ini boleh berlaku seperti Lim Boo Chang, jadi saya kuatir perkara itu boleh berlaku, so sama ada ini boleh diperuntukkan juga dalam Rang Undang-undang ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa sekiranya kita lihat kepada beberapa seksyen saya akan rujuk Y.B. Dato' Speaker kepada dua. Nombor satu ialah Seksyen 18 Rang Undang-undang sekiranya kita dapat rujuk, adalah berkenaan kelayakan pemilih dan kelayakan pemilih kalau kita baca 18(1) Setiap warganegara dengan kelayakan ...(dengan izin), saya baca "dengan dinyatakan dalam jadual kedua berhak untuk mengundi dalam kawasan pilihan raya dalam mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan kecuali dia hilang kelayakan di bawah jadual itu".

Jadi kelayakan ini dinyatakan dalam jadual kedua. Kalau kita rujuk dalam jadual kedua Y.B. Dato' Speaker, di muka surat 23 Rang Undang-undang ini. Jadual kedua menyatakan, saya percayalah dengan *current election laws* dan ia merujuk kepada (a) di mana seseorang warganegara hendaklah layak mengundi dalam kawasan pilihan raya dalam Seksyen 18 yang saya rujuk tadi (a), jika dia telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan. Iaitu *current election law* yang menyatakan 21 supaya umur boleh undi. Tetapi saya percaya dalam Pakatan Rakyat kita ingin supaya umur itu dikurangkan kepada 18 tahun, 18 tahun kita boleh undi. Jadi kita ada peluang sekarang dalam jadual ini untuk *third vote*, untuk menyatakan bahawa umur adalah 18 tahun dan bukan 21 tahun.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan, memandangkan pendaftaran pemilih memang perlukan satu mekanisma yang komprehensif dan jikalau kita tidak dapat mendapat kerjasama daripada SPR, macam mana kita nak daftarkan mereka yang kurang daripada umur 21 tahun untuk melayakkan mereka menjadi pengundi?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Memang, memang itu adalah satu cabaran yang kita akan hadapi tetapi seperti mana Y.B. Komtar kata itu tertaklukkan kepada mekanisma yang kita perlu *create, we have to create mechanism* di mana untuk mendapat

maklumat berkenaan mereka yang berumur 18 tahun hingga 21 tahun. 21 tahun dan lebih sudah ada dalam *electoral roll* tetapi dalam 18 hingga 21 *of course* kita mesti adakan satu mekanismalah, itu memang perlu kalau SPR tidak setuju ataupun tidak bekerjasama dengan kita. Tetapi *point* yang saya ingin apa ni bangkit hari ini berkenaan jadual kedua ini ialah kita ada peluang diperingkat ini untuk menyatakan di Pulau Pinang bahawa untuk *third vote*, kita akan mula dengan umur 18 dan *and above* itu apa yang saya ingin nyatakan.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker saya juga ingin merujuk kepada seksyen 19, *now section 19* ialah *electoral roll* ataupun daftar pemilih dan saya baca 19 Subsyeksen 1 daftar pemilih hendaklah melainkan melainkan jika Suruhanjaya Pilihan Raya mengarahkan sebaliknya digabungkan dengan daftar pemilih Parlimen dan negeri yang disenggarakan di bawah Akta Pilihan Raya 1958(i)(e).

Y.B. Dato' Speaker kita akan bergantung kepada daftar pemilih sedia ada yang ada di SPR, *now* ini saya berkecewalah kerana BERSIH, tujuan BERSIH adalah untuk bersihkan daftar pemilih, so bagaimana kita boleh merujuk dan bergantung kepada daftar pemilih tersebut yang tak BERSIH, so ini satu *point* saya ingin nyatakan, mungkin kita dapat atasi dengan menukar seksyen 19 (1) dengan menyatakan daftar pemilih hendaklah melainkan jika kerajaan negeri mengarahkan sebaliknya dan ini memberikan kuasa kepada kita untuk apa ni *have a clean electoral roll or clean up the electoral roll ...* (dengan izin), *so that is* satu *suggestion* daripada saya kerana kita ada *group* BERSIH ini yang inginkan agar daftar pemilih di BERSIH kan walhal kita dalam Rang Undang-undang ini bergantung dan merujuk kepada daftar pemilih tersebut, so ini satu kebimbangan saya.

Apa yang saya ingin nyatakanlah dan saya cadangkan kita boleh tukar jika suruhanjaya pilihan raya kepada jika kerajaan negeri mengarahkan sebaliknya dan ini akan membenarkan kita tidak bergantung kepada daftar pemilih tersebut kerana kerajaan negeri boleh membuat keputusan tersebut kerana ia diperuntukkan sedemikian Y.B. Dato' Speaker saya ada satu atau dua cadangan pindaan yang hendak dibuat tetapi memandangkan pindaan di bawah aturan 63 hanya boleh dibuat setelah Rang Undang-undang ini berada jawatankuasa saya akan bangkitkan nantilah dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima Kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012. Saya menyambut baik Rang Undang-undang ini di perkenalkan di dalam

Dewan yang mulia ini dan sememangnya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seperti yang di nyatakan oleh Ahli Padang Kota pada hujahnya tadi bahawa telah digantung pada tahun 1965 semasa konferansi Indonesia Malaysia dan pengantungan pemilihan Kerajaan Tempatan itu telah digantung untuk masa yang lama dengan adanya Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Meskipun saya juga ingin mengambil perhatian seperti yang di sebut oleh Ahli Komtar tadi bahawa Akta pemilihan kerajaan tempatan 1970, 1960 masih berkerajaan 1970 tidak 1961, masih berkuat kuasa malahan dia telah di *revise* ...(dengan izin), pada tahun 1991. Sekiranya kita nampak sekiranya Kerajaan Persekutuan ingin mengembalikan undi ketiga ni kepada seluruh rakyat Malaysia, mereka dengan senangnya boleh lah buat pindaan terhadap Seksyen 15 akta Kerajaan Tempatan sahaja kerana akta pemilihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah sedia ada dan masih kira kata boleh berkuat kuasa cuma kerana ada Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan sahaja menghalang adanya pilihan raya tempatan.

Meskipun demikian adanya perundangan undang-undang peruntukan undang-undang, malah saya percaya bukan segala peruntukan undang-undang itu adalah merangkumi semua prespektif dan dia masih tertakluk kepada interpretasi dan dia telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan perundingan dengan para peguam dan telah mengakhirkan bagi saya satu Rang Undang-undang Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang dibahaskan di sini.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan ini terhadap berapa isu cuma satu dua isu yang ingin saya bangkitkan. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan Y.B. Datok Keramat tentang daftar pemilih tetapi saya juga ingin menambah bahawa kita boleh mengalihkan paradigma kita terhadap daftar pemilih yang sedia ada iaitu bergantung kepada daftar pemilih yang disediakan oleh SPR sekarang.

Untuk bagi saya kerajaan pemilihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sepatutnya kita pilihannya adalah oleh pembayar cukai pintu, jadi mungkin seseorang itu sekiranya beliau mempunyai hartanah yang lebih daripada satu dia mungkin ada satu rumah, dia mungkin ada rumah kedai dia mungkin ada industri mungkin kita boleh membuat daftar pemilih untuk Pilihan Raya Kerajaan Tempatan itu berdasarkan pembayar cukai pintu. Maka dia mungkin mempunyai undi di dua kawasan pengundian, tetapi dia dihalang oleh peruntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Isu kedua berkenaan dengan kelayakan pemilih juga seperti iaitu dalam jadual kedua perenggan 2 (b) di mana seseorang itu akan hilang kelayakan, sekiranya beliau dihukum penjara bagi tempoh tidak bagi tempoh melebihi satu tahun. Setelah saya semak dengan akta pilihan raya tempatan

tu peruntukan jadual ini adalah sama. Maksudnya mungkin peruntukan ini telah *outdated*(dengan izin) dan dia adalah tidak logik ataupun tidak munasabah sekiranya seseorang itu telah disabit kesalahan melebihi dipenjarakan satu tahun itu telah hilang kelayakannya untuk mengundi. Jadi saya berharap peruntukan ini dapat dikaji semula. Dengan itu saya pohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli yang berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula tepat pukul 11.25 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi

Dewan disambung semula pada jam 11.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Sesi perbahasan Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan disambung semula. Dipersilakan Seri Delima

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta, saya akan ringkaskan apa yang ingin saya sampaikan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang ini secara sebulat suara, kerana ia merupakan satu-satu yang diimpikan oleh bukan saja parti DAP, tetapi sekarang sebagai Kerajaan sesuatu yang telah diimpikan oleh kita selama-lama ini. Tetapi cuma satu, dua perkara yang kekurangan dalam Rang Undang-undang ini yang saya ingin memohon membawa kepada perhatian EXCO berkenaan untuk dipertimbangkan, kalau kita lihat dalam di bawah Pilihan Raya iaitu Seksyen 20 (1) atau Peruntukan 20 (1), saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi kerana tidak merangkumi tata cara pilihan raya yang sepenuhnya, kerana kita selalu mengadu tentang cara berat sebelah dalam pilihan raya-pilihan raya umum di mana media massa digunakan oleh pihak Barisan Nasional, media cetak digunakan oleh Barisan Nasional, jamuan-jamuan dianjurkan oleh Barisan Nasional dan wang juga dibayar secara terbuka oleh Barisan Nasional .

Kalau kita ingin menjamin satu pilihan raya yang bersih, pilihan raya yang adil dalam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Saya percaya daripada kita membuat rujukan, rujukan am, umpamanya dalam peruntukan 20 (1) hanya dinyatakan tertakluk kepada peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, di mana kita lihat peruntukan itu lazimnya, selalunya tidak digunakan, tetapi sekarang kita mempunyai peluang untuk mewujudkan satu *level playing field*(dengan izin), padang yang sama rata bagi pihak-pihak yang bertanding itu untuk bertanding secara sama rata, tanpa mana-mana satu pihak mendapat kelebihan dan undang-undang ini digubal oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadi saya percaya bagi memastikan bahawa pilihan raya ini berlaku secara adil, secara saksama di mana tidak ada pihak yang mengambil kesempatan, kelebihan, sepatutnya terdapat peruntukan-peruntukan khusus dalam undang-undang ini untuk kita mengelak sesuatu pihak itu mengambil kelebihan dan kita selalu lihat kejadian-kejadian di mana menjelang pilihan raya seperti yang saya katakan tadi perkara-perkara dilakukan, seperti menganjurkan majlis, memberikan wang, mengeluarkan kenyataan-kenyataan dalam surat khabar dan perkara-perkara dalam televisyen dan itu adalah salah satu faktor yang mungkin mempengaruhi pilihan raya ini, kerana ini adalah satu tindakan yang murni, yang ikhlas oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengotai janji pilihan raya, tetapi saya risau bahawa kekurangan dalam undang-undang ini mungkin digunakan atau diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu, terutamanya oleh pihak Barisan Nasional semasa bertanding untuk menggunakan kelebihan seperti yang mereka pada lazimnya berlaku semasa pilihan raya am.

Jadi pada pendapat saya bahawa sepatutnya kita mempertimbangkan peruntukan-peruntukan khusus untuk memastikan bahawa tidak ada pihak yang menggunakan unsur-unsur rasuah, unsur-unsur lain bagi mempengaruhi penduduk-penduduk di Pulau Pinang untuk meraih sokongan ataupun menang dalam pilihan raya ini. Dengan ini saya ingin mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang ini. Saya juga mahu bahas untuk menyokong Rang Undang-undang Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012. Hasrat Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang ini untuk mengembalikan undi ketiga ini selain daripada undi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri amatlah menggalakkan dan berjiwa rakyat dan memang mengamalkan

demokrasi yang benar sepenuhnya. Pengembalian undi ketiga ini kepada rakyat, menunjukkan sepenuhnya *participatory politics*(dengan izinnnya), oleh rakyat demi memantau iaitu atau *power politics*(dengan izinnnya), kononnya. Pengembalian undi ketiga kepada rakyat ini juga menunjukkan *empowerment of rakyat* ...(dengan izin). Untuk mempertingkatkan keinsafan iaitu *conciliation*..(dengan izin) Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Jadi ada satu cadangan di sini saya nak juga cadangkan bahawa Seksyen 12 (1) itu, selaras dengan Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, tempoh memegang jawatan YDP terutamanya, juga harus ditetapkan dan dihadkan 5 tahun, demi keadilan dan prinsip *separation of power* ...(dengan izin). Ia juga harus dihadkan, *sorry*, saya ulangi. Ahli-ahli Kerajaan Tempatan ini ditetapkan 5 tahun, demi keadilan dan prinsip *separation of power*. Dan sebolehnya, ia juga harus dihadkan YDP yang akan dipilih itu kepada dua penggal sahaja. Dasar ini diadakan untuk mengelakkan penyalahgunaan dan penyelewangan kuasa bagi pihak pemerintah dan juga menjamin semua generasi tidak akan ketinggalan dalam proses membuat keputusan penting.

Y.B. Dato' Speaker, ada dibimbangkan bahawa setelah kelulusannya Enakmen ini oleh Dewan yang mulia ini akan juga dicabarkan oleh *power politic* Kerajaan Pusat Barisan Nasional atau mahkamah nanti. Dan proses ini akan makan masa yang tidak ditentukan jadualnya pelaksanaan sepenuh Pilihan Raya Umum Kerajaan Tempatan. Dengan itu, saya fikir satu alternatif, saya ingin cadangkan di sini bahawa pihak berkuasa tempatan terutamanya YDP Perbandaran harus dipilhkan daripada satu, seorang ADUN *backbenchers* ...(dengan izin) melalui pilihan ke jawatan-jawatan tertentu pada masa interim ini di mana sebelum Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dilaksanakan sepenuhnya. Satu langkah kecil adalah untuk rangkaian yang besar dalam perubahan.

Ini adalah satu alternatif yang berdemokrasi kerana ADUN sebagai wakil rakyat dipilih rakyat. Pewakilannya tidak boleh dinafikan lebih *justify* ... (dengan izin) berjiwa rakyat daripada calon Barisan Nasional yang dilantikan, walaupun ada peruntukan begitu. Kini saya fikir adalah tepat masanya untuk menerima dalam adakan satu reformasi di peringkat perbandaran ini, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh menjalankan kuasa menerima dan juga menolak sebarang projek, polisi, garis panduan, *by-laws* di peringkat administrasi tempatan untuk meningkatkan prestasi perbandaran. Kalau kita mahu jadi satu bandar raya antarabangsa. Janganlah *technical comply* dijadikan dasar untuk terus menerima sahaja permohonan sektor swasta untuk membangun, untuk pembangunan yang tidak terkawal tanpa penyiasatan teliti oleh kepakaran perbandaran sendiri. Dan demi KPI Kementerian Perumahan atau Kerajaan Tempatan maka OSA mempercepatkan kelulusan permohonan kebenaran merancang atas

technical comply ini ...(dengan izin), oleh semua pihak PBT termasuk pemaju-pemaju, walaupun mendapat bantahan dari dan untuk mengekalkan keharmonian sosial dan *Policy Green State*...(dengan izin), dan hak kepadatan koridor sekunder dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Misalnya *Lexus Suites*, adalah satu projek dimana mungkin *exclusive home or exclusive water home* akan diluluskan. Kelulusan secepat ini seolah-olah pemaju adalah Boss PBT. Ada banyak kes boleh dirujukan dan dikajikan untuk maksud tersebut dan dibuktikan reformasi tersebut amatlah diperlukan. ADUN *backbenchers* adalah wakil rakyat yang berfaktor. Demokrasi dipilih sebagai YDP Interim Perbandaran. Dalam masa interim tersebut, akan memainkan peranan sebagai seorang *fixture* untuk menguruskan semua isu, perkara tempatan antara rakyat dan kerajaan untuk mencapai satu *win win situation* ...(dengan izin). Fungsi *fixture* juga adalah sebagai *ombudsman*...(dengan izin) untuk kedua pihak tersebut melalui media sebagai kuasa keempat berdasarkan prinsip CAT untuk penyelesaian isu semua jenis di bawah Perbandaran dipandangkan lebih positif dan proaktif yang berkeyakinan untuk kedua-dua pihak tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, isu-isu seperti pembangunan akan menjejaskan alam sekitar melanggar Akta-akta Kerajaan Tempatan pembangunan yang merosotkan kualiti kehidupan rakyat akan dipantau termasuk sungai dan lain-lain. Semua ini patut dipertahankan untuk generasi baru kita. Saya tidak menolak pembangunan atau sifar pembangunan tetapi pembangunan *sustainable*...(dengan izin), yang terkawal, yang mendatangkan, mempertingkatkan kualiti hidup dan pemeliharaan alam sekitar. Banyak penyakit di Negeri Pulau Pinang, disebabkan di Negeri Pulau Pinang terutamanya di Perbandaran disebabkan Perbandaran mengikut pelan tempatan dan Kerajaan Negeri PR dan Kerajaan Negeri PR kekurangan pengalaman dalam pentadbiran dan tidak *familiar* (dengan izin) dengan kebanyakan pembangunan dari isu perancangan dan selalunya bergantung kepada nasihat-nasihat pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan PBT untuk membuat keputusan.

Sejak 2004 telah juga membangkitkan penyakit yang tidak kita ingin pihak perbandaran PBT mendesak secepat mungkin untuk meluluskan merancang pembangunan dengan *technically comply* misalnya *crematorium* antara Saiboy Gardern dengan Empangan Air Itam terlalu dekat projek ini dengan *catchment* Air Itam. Ini adalah suatu kekhuatiran di mana memberi pencemaran kepada air minuman kita. *Lacos Optima* dan *lacis swift swiss* iaitu *exclusive water home* di mana perumahan di atas laut. Kebenaran merancang di atas satu lot di Changkat Kenari di Daerah Barat Daya di atas ketinggian melebihi 250 kaki. 5 projek pembangunan di atas lot-lot tanah lereng bukit ketinggian melebihi 250 kaki yang diberikan sebelum Mac 2008.

Kes perumahan Pyket dan *parcel accessory* sesebuah pembangunan selalu dilompatkan pemaju untuk tujuan lain. Saya sebab kekurangan professional and inefficiency, kekurangan prihatin jawatan dan kepentingan orang ramai *public interest*(dengan izin) akan cenderung. Kita akan cenderung kepada praktisnya rasuah dalam administrasi proses permohonan merancang, kelulusannya dan lain-lain, kecuali kita akan adakan satu langkah yang betul kita akan dikalahkan pemaju-pemaju besar dan penyakit rasuah dari segi alam sekitar dan peri kemanusiaan juga. Semua kes-kes ini boleh dielakkan jikalau kuasa YDP dilaksanakan dengan adil demi kepentingan orang ramai yang berjiwa rakyat, di mana YDP yang dipilih dari salah seorang Yang Berhormat *backbenchers* akan juga bertanggung jawab kepada Dewan yang mulai ini dan rakyat.

Saya dengan akhir kata juga mencadangkan satu badan atau jawatankuasa atau biro ditubuhkan di bawah perbandaran untuk menyiasat dan mencegah rasuah dan salah guna kuasa supaya prestasi perbandaran lebih CAT dan *elegant, lively and decisive*(dengan izinya), misalnya nama badan atau biro atau jawatankuasa siasat dan cegah rasuah dan salah guna kuasa.

Y.B. Dato' Speaker, inilah yang saya hendak kongsi pandangan saya dalam perbahasan ini dan dari Kerajaan Tempatan juga dari Kerajaan Negeri biarlah kita ubah sekali lagi dan maju ke Putrajaya Kerajaan Pusat dalam *general election* yang akan datang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Y.B. Jawi. Silakan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pelaksanaan semula suatu Enakmen yang dinamakan sebagai Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker, Enakmen ini adalah merupakan suatu hadiah yang amat bermakna daripada kerajaan baru ini kepada rakyat. Ini jelas membuktikan bahawa kerajaan kita adalah mementingkan kepada hal ehwal rakyat dan kebajikan rakyat kita. Y.B. Dato' Speaker, dengan adanya Rang Undang-undang ini juga merupakan satu *proceeding* yang baik dalam amalan demokrasi negara kita. Ia juga memulangkan kuasa kepada rakyat untuk menentukan orang-orang pilihan mereka yang mana PBT memerlukan orang-orang yang lebih agresif untuk mengatasi masalah rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, ini adalah satu keikhlasan daripada kerajaan baru yang mana kerajaan mementingkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Y.B. Dato' Speaker, perkara yang saya berasa kekurangan sedikit dalam Rang Undang-undang ini. Saya rasa perkara yang termaktub di dalam jadual pertama iaitu kelayakan mengenai Ahli Majlis. Bagi perkara pertama iaitu bahagian (b) iaitu menyatakan dia adalah seorang warganegara. Saya rasa perkara ini terbuka sangat. Kalau undang-undang kita terbuka kepada seluruh rakyat warganegara Malaysia, saya rasa kepentingan dan kebajikan bagi rakyat Pulau Pinang telah pun dikurangkan. Saya rasa perkara ini perlu ditambah dengan dia adalah seorang warga negara yang berasal dari Negeri Pulau Pinang. Saya rasa ini adalah lebih baik untuk memastikan kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Y.B. Dato' Speaker, saya akhiri ucapan saya pada tengah hari ini dengan tahniah di atas usaha baik kerajaan kita. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya, Y.B. Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Assalamualaikom Warahmatullahi Wabarakatuh, Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I, Y.B. Timbalan Ketua Menteri II, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas keberanian Kerajaan Negeri pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melakukan satu lagi perubahan yang mana tidak dilakukan oleh mereka sebelum ini. Kenapa saya katakan berani kerana ianya membuka peluang kepada semua wakil masyarakat menyertai pilihan raya yang akan diadakan ini. Seperti mana kita telah menjalankan kaedah tender terbuka di mana semua kontraktor boleh mengambil bahagian di zaman kita ini. Jika tidak, kita sentiasa akan dikatakan memilih di kalangan orang-orang Pakatan Rakyat atau NGO pun yang pro Pakatan Rakyat sebagai mana yang ada sekarang ini.

Sebab itu apabila kita berani melakukan sesuatu kita juga kena berani menghadapi pelbagai kemungkinan dan masalah. Memang saya rasa pimpinan terutama EXCO yang terlibat dalam merangkakan Rang Undang-undang ini telah memikirkan jauh ke hadapan. Dari segi keanggotaan, jumlah keanggotaan seperti mana yang disebut oleh Y.B. Komtar tadi kalau hendak kirakan DUN kita ada *simply* to 21 kalau memerlukan 30 ertinya kita kena

tambah lagi wakil-wakil daripada DUN kalau kita mengambil kira kawasan DUN dan tentunya bila kita hendak mengambil hendak meminta wakil dua daripada satu DUN yang besar tadi kita memerlukan usaha untuk membuat pemetaan semula. Dari segi pengundi-pengundinya kita boleh dapat daripada SPR tetapi kena bahagilah taman mana-taman mana dalam DUN 1 atau pun DUN 21 umpamanya DUN 21A dan DUN 21B.

Selain itu, daripada segi kewangan, daripada segi tempoh kempen, bolehlah kita bayang pada masa itu wakil-wakil calon itu akan datang daripada berbagai pihak yang mewakili UMNO, yang mewakili DAP, yang mewakili KEADILAN, PAS dan mungkin boleh jadi satu kawasan 16 calon pun boleh jadi, macam Bukit Selembau baru ini dan tidak boleh kita sekat kalau PAS menghantar 2 wakil dan begitu juga KEADILAN.

Pada masa itu kita boleh bayangkan mungkinkah bendera-bendera parti mengiringi calon-calon yang dihantar untuk menjadi calon, juga kita kena melihat memang kita sudah agak calon-calon yang menang menjadi Ahli Majlis ini terdiri daripada bukan sahaja daripada Pakatan Rakyat, malah daripada UMNO dan Barisan Nasional juga dan mereka bersidang seperti kita bersidang sekarang macam dalam Dewan ini dan bolehkah, tetapi memang baik kita melatih wakil-wakil kita untuk melayakkan diri dalam Pilihan Raya Kawasan ataupun Dewan Undangan Negeri seperti mana kita melatihkan beberapa persatuan di peringkat sekolah untuk melayakkan mereka menjadi pemimpin di masa hadapan. Ini semua kemungkinan kita kena lihat mampukah kita menjadi seorang Speaker lagi dalam satu Dewan dan pada masa itu.

Walau bagaimanapun atas usaha dan keberanian kita yang baik insya-Allah kita akan dapat sokongan, khususnya daripada *Allah Subhanahu wa ta'ala* bagaimana Allah berfirman dalam surah "Al-Ankabut" ayat 69 (membaca ayat surah Al Quran), maksudnya "mereka yang berjuang untuk melaksanakan jalan keredhaan kami, kata Allah, sesungguhnya kami akan tunjuk jalan kami". Jadi saya yakin benda yang kita hendak buat ini benda yang bagus dan yang tidak pernah dibuat oleh orang lain, orang lain yang tidak berani buat itu, mungkin kerana takut, atau mereka hendak monopoli, jadi kita ini begitu terbuka jadi dalam keberanian kita ini, kita haruslah berwaspada dengan kemungkinan yang akan datang, tapi *insya-Allah, Allah* akan tolong tunjukan kepada kita jalan-jalan yang membantu kebaikan yang kita akan tegakkan ini kerana Allah sesungguhnya sentiasa menolong orang-orang yang berbuat baik.

Satu perkara yang saya minta janganlah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini mempengaruhi pemilihan calon atau wakil dalam mewakili yang akan menjadi Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri nanti, seperti bila ada seorang Ahli Majlis begitu bagus kerja dia sehingga disukai oleh

penduduk kebetulan dia itu berada dalam kawasan Parti Keadilan, kebetulan pula dia berada di dalam Ahli DAP, esok pula DAP minta pula, calon ini ada potensi menang kita hendak tukar pula hendak bagi dia jadi ADUN, jadi saya berharap jangan terpengaruh dengan perjanjian lama, dia memang ada potensi menang, kerana mereka suka kepada dia, lepas itu akan datang kita minta dia akan jadi calon, jadi hilanglah kita punya ya. Tetapi mengenai nasib orang Melayu, atau orang Islam ka dalam pemilihan ini saya rasa selagi seorang itu bekerja dengan baik dan dia boleh diketengahkan sebagai ahli mewakili rakyat saya rasa benda ini, orang kata apa, tidak harus diragui cuma daripada pimpinan masyarakat haruslah melatih dan menonjolkan wakil-wakil mereka untuk diketengahkan dalam pemilihan ini.

Y.B. Dato' Speaker, selain daripada itu juga, saya suka mengetengahkan satu idea iaitu apakah, bolehkah kita fikir tentang pemecahan persempadanan Kerajaan Tempatan ini yang sedia ada kepada lima (5) daerah, dalam Daerah SPU, SPS, SPT, BDB dan Daerah Timur Laut, supaya perkhidmatannya lebih menyeluruh dan lebih sempurna berbanding dalam keadaan sekarang ini, banyak juga kawasan-kawasan yang tidak sempat masuk kerana begitu luas, kita punya Majlis kita ini, satu Seberang Perai dan satu Pulau, dari George Town hendak pergi ke Balik Pulau kita bahagi-bahagikan kumpulan ini mengikut daerah saya rasa lebih kecil dan lebih menyeluruh perkhidmatan dia, ada pengalaman dahulu pun kita ada Majlis Daerah Luar Bandar, dulu-dulu kita ada *counselor* sekarang jadi begitu, jadi dengan ini orang kata apa, dengan beberapa pandangan ini saya berharap kita dapat melaksanakannya cuma kita kena melihat, kemungkinan-kemungkinan pemasalahan-pemasalahan yang bakal kita tempuhi demi untuk kebaikan yang diharapkan untuk kerajaan dan untuk masyarakat juga saya dengan ini mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila Y.B. Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang untuk bahaskan Rang Undang-undang Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1801 Pulau Pinang menjadi negeri yang pertama di Malaysia untuk menubuhkan *Council of Association* di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah sejarah permulaan *local council* atau PBT di Malaysia, jadi Penang merupakan pelopor untuk *local government* atau PBT, selepas itu dia ada pilihan raya pada tahun 50-an, 60-an tetapi atas alasan yang begitu *doggie*, begitu tidak ada asas, *local government election* atau Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dibatalkan dan selepas itu bermula pula satu pelan untuk menumpukan kuasa di Peringkat Pusat, dahulu Kerajaan Tempatan

mempunyai banyak *services* seperti bas, seperti *trans*, seperti klinik dan sebagainya. Semua-semua elektrik pula. Bomba pun pula jadi semua perkhidmatan-perkhidmatan yang begitu dekat dengan rakyat patutnya berada di PBT tetapi telah desentralisasikan di peringkat pusat, sehingga sekarang yang paling memalukan adalah PBT-PBT sekarang pengutipan-pengutipan sisa pepejal diserahkan kepada peringkat pusat, ini menunjukkan martabat PBT begitu rendah sekali sekarang jatuh sampai hanya menjaga parit, longkang, parit longkang sekarang pun Kerajaan Pusat di kawasan saya, jadi ini adalah satu yang cukup malang mengapa begitu disebabkan tidak ada kuasa atau sokongan daripada rakyat, maka Kerajaan Pusat boleh mengambil satu persatu ini kepada Kerajaan Pusat *services* perkhidmatan dan sebagainya sekarang di pindah ke Kerajaan Pusat.

Jadi bermula dengan warta ini, Enakmen ini, Rang Undang-undang ini maka kita bermulalah satu desentralisasi ini adalah satu usaha kita mengembalikan hak kepada rakyat, mengembalikan kuasa kepada rakyat. Kita berbeza dengan Barisan Nasional, Barisan Nasional ketamakkan kuasa hendak semua sahaja, pindah semua kepada Kerajaan Pusat, tetapi kita berbeza, Pakatan Rakyat harus memberi balik kuasa kepada rakyat, ini perbezaan kita. Adakah kita akan dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Adakah kita pasti akan menang Pakatan Rakyat? tidak kita akan kalah, kita kemungkinan kalah dalam PBT dan mungkin ada ramai pembangkang dalam PBT. Adakah itu satu masalah, tidak kerana ini memang adalah hak rakyat, rakyat dapat menentukan siapa pemimpin mereka, siapa mereka harus pilih itu hak rakyat. Adakah kita takut?, tidak kita bukan macam Barisan Nasional, kalah kalahlah, kalau kalah kita akan berusaha dengan lebih gigih untuk menenangkan hati rakyat. Kalau menang kita lebih berusaha untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Jadi adalah menjadi prinsip demokrasi untuk kita mengembalikan hak rakyat dan saya minta supaya Kerajaan Negeri jangan berhenti dengan begitu sahaja, kita kena lebih ke depan sedikit. Apa yang kita nampak disini kita kembali ke tahun sebelum 1965. Akta ini adalah balik kepada apa yang ada sebelum 1965, maka saya rasa sebagai Pakatan Rakyat, sebagai satu kerajaan atau parti yang memperjuangkan reformasi dan juga memperjuangkan kembalikan hak rakyat kita kena pergi ke hadapan lagi. Maka saya ingin menyahut cadangan ADUN KOMTAR bahawa kita harus memberi kuasa untuk rakyat memilih YDP sendiri, memilih Timbalan YDP sebab ini adalah sesuatu yang penting, kalau kita hanya kembali kepada tahun 1965 kita tidak maju dan kita haruslah memperjuangkan lebih kepada rakyat iaitu demokrasi. Jadi kita menyeru semua pihak sama-sama menerajui perubahan ini kepada pemilihan YDP secara terus.

Y.B. Dato' Speaker, krisis keyakinan terhadap PBT disebabkan oleh tiada sokongan atau daripada rakyat dan ada kritikan-kritikan bahawa Ahli-ahli Majlis tidak turun padang tidak memahami keadaan sebenar kepada kawasan dan membuat keputusan yang silap atau keputusan yang tidak memihak kepada rakyat maka saya rasa inilah yang penting kita kembalikan kuasa kepada rakyat maka rakyat akan *check* Ahli Majlis tersebut adakah dia betul-betul bekerja demi untuk kepentingan rakyat, ini adalah penting.

Selain daripada itu saya juga dalam Rang Undang-undang dia mencadangkan tiga tahun sekali pemilihan pilihan raya, ini adalah pendapat saya sendiri bahawa kalau kita hanya membuat pilihan raya setiap tiga tahun dia mungkin akan menyebabkan Ahli Majlis terlalu *short sited*, dia hanya pada tahun pertama dia menang pilihan raya dia baru belajar bagaimana perjalanan majlis, tetapi tahun kedua dia baru hendak mula kerja, tetapi tahun ketiga dia sudah terpaksa menghadapi pilihan raya. Jadi ada kekuatiran bahawa perancangan jangka masa panjang itu tidak dipentingkan kerana *election cycle* yang begitu singkat. Saya ingin mencadangkan supaya kita mengadakan pilihan raya setiap empat tahun seperti apa yang berlaku di United Kingdom, maka dengan *election cycle* yang panjang maka mereka boleh bertumpu kepada pelaksanaan dasar-dasar yang berpandangan jauh bukan sahaja *quit win for election* dan juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan, penjelasan Pantai Jerejak, adakah Pantai Jerejak tahu bahawa ada satu akta baru yang telah di *pass* di UK sistem parlimen *at two thousand and eleven* di mana menurut akta baru tersebut terma satu seksyen ialah 5 tahun sekarang bermula daripada 2015.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih kerana memberi maklumat yang terbaru, jadi saya rasa ini adalah satu perlu kita dipertimbangkan dalam akta ini dan isu ini, satu lagi adalah dengan pilihan raya adalah titik permulaan untuk satu disentralisasi dan juga *demonetisation* pada peringkat PBT tetapi kita tidak harus berhenti begitu sahaja, sebab dari segi struktur PBT, MPPP kah MPSP. Dari segi kakitangan pun perlu ada satu transformasi atau satu reformasi sebab hanya dengan Pilihan Raya Ahli Majlis tidak akan berlaku perubahan yang besar kalau *mentality* atau struktur MPPP yang begitu besar, tidak distruktur atau tidak diefektifkan.

Jadi Ahli Majlis-Ahli Majlis yang dipilih saya menaruh harapan yang besar supaya mereka akan *to reform sector* pengambilan pekerja-pekerja baru, Ahli Majlis sebagainya dan juga ke struktur di bawah MPPP supaya dia

jadi efektif. Buat masa sekarang saya selalu nampak adalah apabila kita mengadakan satu mesyuarat majlis ramai pegawai-pegawai kena turut hadir dan saya rasa ini adalah sesuatu yang tidak sihat kerana satu jabatan ke satu jabatan kurang komunikasi jadi kalau satu organisasi efektif akan ada *coordination* dan mesyuarat tidak perlu ramai dan boleh menjalankan kerja dengan efektif ini adalah pandangan saya, dengan kata-kata ini saya harap kita semua Ahli-ahli Dewan boleh mempertimbangkan beberapa cadangan terutamanya cadangan saya dengan Y.B. Ng Wei Aik adakan pilihan raya tentang YDP dan juga tahun *cycle of election is four years*, empat (4) tahun, sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi saya peluang membahaskan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai tahun 2012, saya tidak akan bercakap panjang. Enakmen ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang berbeza banyak dengan Barisan Nasional, memang seperti apa yang dikatakan oleh Y.B. Pantai Jerejak, kita adakah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bukan seperti kita menang, ada orang beritahu kepada saya, mengapa Pakatan Rakyat begitu bodoh ini yang kuasa di tangan kita, mengapa kita hendak kongsi dengan orang lain, kita boleh buat seperti dahulu juga, kita hanya untuk kita sahaja, seperti sebagai demokrasi saya percaya dan yakin kalau kita buat sebaik untuk rakyat kita boleh menang juga walaupun bukan 100% ini adalah demokrasi dan ini adalah titik tanda kita memang adalah ketahap satu yang lebih maju dan lebih demokrasi, itu juga menunjukkan Pakatan Rakyat bukan gila kuasa, seperti Barisan Nasional dan kalau Pulau Pinang kita boleh melakukan ini Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Saya hendak soal, adakah Barisan Nasional yang diperintah di lain-lain negeri akan ikut Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, menjalankan pilihan raya yang seperti, itu soalan saya, sebab kita mahu seluruh Malaysia kembalikan undi ke tiga balik keseluruhan Malaysia bukan hanya di Pulau Pinang sahaja yang sebenarnya dan saya tidak akan cakap panjang lebar nampaknya banyak cadangan yang telah diberi oleh rakan saya dan disini cuma saya mohon menyokong, ini sahaja terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan untuk rehat dan Dewan akan sambung semula pada jam 2.30 petang

Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.45 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Sidang disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat perbincangan Rang Undang-undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah pun tamat. Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan pada kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Speaker:

“Ya” lebih banyak.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat belum gulung lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Minta maaf, sebelum kita minta untuk bacaan kali kedua, kita minta penggulungan daripada Y.B. Padang Kota, sila.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih ke atas jemputan Y.B. Dato' Speaker untuk memberi penggulungan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan terhadap Rang Undang-undang Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Saya ucapkan terima kasih kerana ini membuktikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mencatatkan hari ini sebagai hari dalam sejarah sebab Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang dapat mengatasi dan berani menghadapi segala rintangan politik dan perundangan selama empat (4) tahun ini untuk membawa bagi mendapatkan kelulusan satu (1) Rang

Undang-undang mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang dan selepas Rang Undang-undang ini menjadi undang-undang iaitu Enakmen sepatutnya Suruhanjaya Pilihan Raya yang diberi tanggungjawab di bawah Perlembagaan Persekutuan perlu mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam 180 hari ianya digazetkan mengikut Rang Undang-undang ini. Tetapi isunya sama ada SPR akan menunaikan tanggungjawab perlembagaannya, itulah soalan yang kita tunggu dan menyaksikannya sendiri.

Yang Berhormat-Yang Berhormat telah mengambil bahagian aktif dalam perbahasan tadi ia boleh mendapati bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat, oleh kerana tidak puas hati dengan undang-undang pilihan raya yang sedia ada di dalam negara yang akhirnya menyebabkan tuntutan BERSIH dan perhimpunan raksasa ini menunjukkan bahawa kita semua merasakan sistem pilihan raya kita telah sampai ke satu tahap yang membimbangkan dan melainkan mengubah satu penstrukturan mendadak dan menyeluruh, kita tidak akan yakin dengan sistem pilihan raya kita. Oleh itu saya faham bahawa Ahli-ahli yang mengambil bahagian membawa pelbagai idea menambahbaikkan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada pagi ini kerana Yang Berhormat semua ingin Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang ini dapat diadakan dalam satu suasana undang-undang dan prosedur pilihan raya yang adil dan saksama dan bersih supaya benar-benar dapat membolehkan rakyat jelata menunaikan tanggungjawab mereka untuk mengundi Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan.

Sepertimana dalam pembentangan pagi saya sudahpun menggariskan kronologi selama empat (4) tahun ini untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, tetapi semua usaha ini tidak berhasil kerana pada hakikinya Barisan Nasional tidak ingin mengadakan Pilihan Raya Tempatan, tetapi ini tidak menghalang Ahli Pembangkang dalam Dewan ini untuk menyoalkan mengapa Pakatan Rakyat tunggu sampai dekat-dekat dengan pilihan raya baru mahu menunaikan janji yang dibuat semasa pilihan raya pada tahun 2008.

Saya rasa mereka tanya mengapa kita di sinipun boleh tanya mengapa. Mengapa janji Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sebaik sahaja konfrantasi dengan Indonesia tamat dan keamanan dipulihkan janji untuk pulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak ditunaikan. Kitapun tanya mengapa apabila kita membawa isu ini kepada Majlis Kerajaan Tempatan mengapa Kementerian tidak ingin melayan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita pun boleh menanya mengapa apabila kita minta SPR menunaikan kewajipan perlembagaan mereka untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Mereka kata, mereka tidak akan melaksanakan kewajipan ini. Kitapun boleh

tanya mengapa apabila Y.A.B. Ketua Menteri menulis kepada Perdana Menteri untuk berbincang berkenaan perkara ini langsung tidak ada jawapan. Oleh sebab itu Ahli Pembangkang yang suka tanya mengapa, kitapun boleh tanya mengapa. Apabila ada banyak perkara yang tidak dijawab oleh pembangkang saya rasa mereka tidak sepatutnya menanya mengapa tunggu sampai sekarang baru kita hendak membawa satu Rang Undang-undang.

Y.B. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan kelulusan Rang Undang-undang ini saya berharap akan menandakan satu kejayaan kepada rakyat jelata. Sebab rakyat jelata dan pengundi telah mendapat balik hak undi ketiga yang sudah hilang lebih 40 tahun. Inilah bukan sahaja kemenangan Pakatan Rakyat tetapi yang lebih bermakna lagi kemenangan kepada rakyat jelata kerana mereka berkesempatan untuk memilih Ahli-ahli Majlis dan juga Mayor atau Timbalan Mayor dalam satu Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi saya ingin mengingatkan Ahli-ahli dalam Dewan bahawa perjuangan ini tidak tamat dengan kelulusan Enakmen, sebaliknya ianya satu permulaan sahaja untuk menghadapi banyak lagi rintangan dari pihak Kerajaan Persekutuan yang ingin menafikan Kerajaan Negeri mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Kita akan menyampaikan gazet Enakmen ini kepada SPR sebaik sahaja ianya digazetkan dan diperkenan oleh Tuan Yang Terutama Tun.

Kita akan menyampaikan dengan sendirinya ataupun Y.A.B. Ketua Menteri sendiri akan membawa Enakmen ini kepada SPR dan minta SPR menunaikan kewajipan perlembagaannya mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan *within 180 days* sepertimana diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini. Kalau SPR setuju itu kita panic lah, kerana hendak cari calon-calon. Kalau SPR bersetuju Pilihan Raya Kerajaan Tempatan boleh diadakan dalam 180 hari, kalaulah mereka menyedari bahawa ini sememangnya kewajipan perlembagaan mereka, SPR patut berunding bersama dengan Kerajaan Negeri untuk melihat bagaimana segala peraturan dan *order* yang perlu disiapkan, mekanisme yang perlu disiapkan dapat dimuktamadkan dalam masa yang singkat sekali supaya kawasan-kawasan pilihan raya dan sebagainya dapat diselesaikan dalam masa yang pendek.

Tetapi Y.B. Dato' Speaker saya rasa dalam senario politik hari ini susah SPR setuju sebab memang SPR sudah menyatakan pendirian mereka dalam surat balasan kepada pihak Kerajaan Negeri. Kemungkinan selepas menerima gazet Enakmen ini SPR boleh mengambil tindakan mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa Enakmen Pilihan Raya tempatan Negeri Pulau Pinang ini adalah tidak sah atau virus perlembagaan *and it is a bad law* itu terpulanglah kepada SPR untuk sama ada setuju mengadakan Pilihan Raya dalam 180 hari ataupun mencabar kesahihan Enakmen ini dalam mahkamah.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang melafazkan banyak syor-syor untuk menambahbaik Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih, tetapi jangan ingat bahawa kita walaupun adanya Enakmen ini kita masih tertakluk kepada *lambic of assistant of concussion law, election law* berbagai prosedur SOP, garis panduan dan sebagainya yang nampak masih kurang nampak adil, saksama dan bersih. Oleh itu adanya muncul dari kalangan rakyat jelata yang biasa tuntutan atau menyokong tuntutan BERSIH, 8 tuntutan BERSIH supaya pilihan raya, tidak kira Pilihan Raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sehingga kepada Kerajaan Tempatan adalah benar-benar bersih dari apa juga penaksirannya.

Oleh itu saya berkata kelulusan Rang Undang-undang ini cuma satu permulaan dan bukan penamatan. Permulaan untuk kita lebih giat lagi mencapai reformasi dalam undang-undang pilihan raya kita. Sekurang-kurangnya kita telah membuktikan keberanian politik kita untuk memulangkan hak ini kepada rakyat jelata

Y.B. Dato' Speaker, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bukan semata-mata pilihan raya sahaja. Saya sememangnya setuju dengan Ahli Pantai Jerejak bahawa pilihan raya tidak bermakna kalau yang dipilih ke dalam Pihak Berkuasa Tempatan adalah Pihak berkuasa Tempatan yang tidak dapat memenuhi aspirasi rakyat. Oleh itu kita pun bercadang dalam Kerajaan Negeri, kita pun melakukan penstrukturan semula dan reformasi yang mana boleh dalam Kerajaan Tempatan. Kita akan melihat isu-isu pemusatan kuasa dan penurunan kuasa dan perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Ini memang memberi perhatian.

Saya masih ingat ucapan saya yang pertama selepas Pilihan Raya 2008 sebagai Ahli Parlimen Tanjong Penggal Ketiga dalam Dewan Rakyat. Saya pun pakai topi yang kedua, sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Parlimen sebagai pembangkang tetapi menegaskan Perdana Menteri pada masa itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi perlu menangani isu berhubung dengan pertalian di antara Pusat dan Negeri, sebab pada masa itu 5 buah negeri di bawah PAKATAN dan sesiapa pun yang menjadi Perdana Menteri perlu menguruskan perhubungan ini iaitu perhubungan di antara Pusat dan Negeri supaya pada akhirnya rakyat jelata yang akan menerima manfaat dari sesiapa pun yang menjadi Kerajaan di Pusat mahupun di Negeri. Saya percaya juga perhubungan ini perlu dilanjutkan apabila Kerajaan Tempatan digubalkan melalui pilihan raya atau pemilihan Ahli-ahli Majlis oleh pengundi-pengundi. Saya bersetuju dengan pandangan Y.B. Pantai Jerejak bahawa perlunya kita menjalankan transformasi dan reformasi dalam Pihak Berkuasa Tempatan kita.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan pada petang ini untuk memberi ulasan terhadap pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian pada sesi pagi tadi. Bermula dengan Y.B. Batu Maung, terima kasih kerana menyokong usul untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dan memberikan pandangan yang meyakinkan bahawa kita selari dengan perjuangan untuk satu agenda politik yang lain daripada Barisan Nasional.

Kepada Y.B. KOMTAR yang menimbulkan isu-isu berhubung dengan elaun-elaun. Elaun adalah satu perkara yang menarik minat pakar-pakar calon dan perkara ini akan diuruskan di bawah Seksyen 4(1) dan (2) di mana tata cara pembayaran elaun dan keistimewaan atau gaji akan ditetapkan sebelum pilihan raya. Sekarang walaupun dilantik tidak tahu berapa elaun boleh dapat tetapi dalam Enakmen ini perlulah dinyatakan dengan peruntukan berhubung dengan pembayaran elaun dan keistimewaan dan lain-lain pembayaran kepada Ahli Majlis dan juga kepada Yang DiPertua serta Timbalan Yang DiPertua. Saya pun bersetuju bahawa elaun maksima yang dinikmati oleh Ahli-ahli Majlis kita sekarang sebanyak RM1,300.00 adalah satu kadar yang amat rendah, memandangkan tanggungjawab dan beban kerja dan mesyuarat-mesyuarat yang perlu dihadiri oleh rakan-rakan kita dalam pihak berkuasa tempatan. Jika boleh kita ingin menetapkan satu kadar yang dapat menarik calon-calon yang berminat untuk menceburkan diri secara sepenuh masa sebagai Ahli Majlis, itulah harapan kita.

Bagi Y.B. KOMTAR juga berpandangan oleh kerana tidak dipilih oleh rakyat jelata atau pengundi, Ahli Majlis boleh mengambil sikap bahawa mereka tidak bertanggungjawab terhadap pengundi-pengundi. Saya rasa sikap ini tidak betul kerana yang dilantik Ahli-ahli Majlis sekarang ini mewakili kerajaan yang memerintah dan mewakili pembayar-pembayar cukai. Setakat ini kita boleh mengatakan prestasi Ahli-ahli Majlis dalam MPPP dan MPSP adalah dalam kadar memuaskan dan jika ada apa-apa kelemahan, saya rasa Ahli-ahli Majlis yang berkhidmat sekarang sanggup menerima kritikan dan menerima bimbingan supaya mereka dapat menambah baik perkhidmatan mereka.

Y.B. KOMTAR juga nampaknya tak sabar-sabar hendak membahagikan bilangan kerusi-kerusi. Saya rasa oleh kerana Enakmen ini memperuntukkan 50 kerusi Ahli Majlis dalam satu PBT mungkin angka ini dapat dimaksimakan supaya bagi satu KADUN diwakili seorang Ahli Majlis namun saya rasa ini pun bagi kawasan-kawasan tertentu merupakan satu beban yang amat berat. Jadi kalau boleh kita cuba menggunakan ruang yang begitu besar dan jika ada 48 boleh dipilih, nampaklah bagaimana kita boleh membahagikan kerusi Ahli Majlis ini untuk menangani bilangan pengundi yang banyak. Itu akan diuruskan apabila Kerajaan Negeri menyediakan *order* ataupun yang diperuntukkan di bawah Perkara 4 ianya akan diberi jawapan

tentang kerusi-kerusi yang perlu dipertandingkan. Y.B. KOMTAR juga menyentuh tentang had perbelanjaan *deposit poster* dan sebagainya. Kita memberi komitmen bahawa perkara ini atau butir-butir ini akan dimasukkan dalam *order* atau peraturan di bawah Seksyen 4. Kita pun bercadang untuk mengadakan *engagement with stake holders* sebelum kita memuktamadkan peraturan yang perlu dikeluarkan di bawah Enakmen ini dan pada masa itu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan dijemput untuk memberi pandangan-pandangan terhadap isu-isu yang lebih khusus.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. KOMTAR dan Y.B. Pantai Jerejak iaitu pertanyaan mengapa Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua tidak dipilih secara terus. Jika kita meneliti Seksyen atau Fasal 3, seksyen ini memperuntukkan bahawa pihak berkuasa tempatan hendaklah ditadbir oleh Ahli Majlis yang dipilih terdiri daripada Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua yang tidak melebihi 48 orang Ahli Majlis. Ini bermaksud Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua juga dipilih oleh pengundi-pengundi tetapi kita memahami bahawa setengah dari Ahli-ahli Dewan berharap bahawa ianya boleh dipilih secara langsung oleh semua pengundi dalam kawasan-kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Kita telah meneliti perkara ini dan sebenarnya di dalam forum kita pernah menjawab bahawa usaha pada masa sekarang adalah kita menumpu perhatian kepada pemulihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang telah dihentikan pada tahun 60-an. Pada masa itu, khususnya di George Town Council, saya boleh memetik dalam *Local Government Order under Section 22(c) The Constitution of the City Council of the George Town*, perkara 5(1) *The Mayor of the Council shall be elected annually by the Council from among the Councillors*.

Memang di Negeri Pulau Pinang selama ini walau pun pada masa itu ada Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tetapi *Mayor* tidak dipilih secara terus oleh pengundi tetapi dipilih di kalangan Ahli-ahli Majlis yang dipilih oleh pengundi-pengundi. Perkara ini kita akan ambil maklum dan akan memastikan apabila sampai waktu kita akan mengambil kira.

Cadangan dari Y.B. KOMTAR dan Y.B. Pantai Jerejak. Cadangan Y.B. KOMTAR berhubung dengan konsep pembayar cukai di mana seorang yang ada tunggakan cukai akan hilang kelayakan, saya rasa ini adalah satu perkara yang amat besar dan bukan akan dapat ditangani oleh Enakmen ini. Kriteria hilang kelayakan sebenarnya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, jadi cadangan ini pun akan menafikan hak kepada pembayar cukai untuk menjadi pengundi sedangkan dalam pilihan raya Dewan Undangan ataupun Parlimen, kita tidak ada syarat bahawa cuma pembayar cukai yang layak untuk jadi pengundi. Jika perkara ini dilaksanakan di peringkat Persekutuan atau bagi pilihan raya Dewan Undangan saya percaya

pembayar cukai akan terdiri kurang daripada 10% atau 20% pengundi-pengundi yang layak. Itu adalah satu perkara yang ada impak yang amat besar dan juga mencabar konsep bahawa seorang rakyat ada hak menjadi pengundi untuk memilih kerajaannya.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan Y.B. Padang Kota. Cadangan saya tidak terpakai ke atas pemilih-pemilih tetapi calon-calon, supaya calon itu dapat menunjukkan satu teladan yang baik sebagai seorang pembayar cukai. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa itu lebih rasional, saya pun merasakan begitu, tetapi sebagai seorang *strategist* Y.B. KOMTAR mungkin perlu menyimpan fakta-fakta calon-calon yang tidak membayar cukai, boleh simpan fakta ini sehingga ia dijadikan, dinamakan sebagai seorang calon baru boleh bongkar hakikat bahawa calon itu tidak membayar cukai, mana layak menjadi seorang calon. Bagaimana kita mahu memilih seorang calon yang tidak mahu membayar cukai pintu untuk bertanggungjawab sebagai pemegang harta, tetapi ini cadangan ini yang boleh kita lihat dan kaji.

Y.B. Datok Keramat juga saya melihat sebagaimana dalam hujahan saya pagi tadi, ini satu sistem yang baik, Yang Berhormat telah membawa cadangan-cadangan yang tidak boleh ditangani oleh Enakmen ini tetapi di tangani dalam satu ruang yang lebih luas di peringkat kebangsaan melalui tuntutan BERSIH iaitu undang-undang melompat parti, itupun satu perkara yang tidak dapat ditangani dalam Enakmen ini, sebab ada undang-undang perlembagaan yang lebih tinggi yang sudahpun memberi kedudukan yang jelas dari segi undang-undang berhubung dengan lompat parti selepas kemenangan.

Y.B. Datok Keramat juga mengesyorkan bahawa umur dikurangkan kepada umur 18, ini isu yang sama juga yang perlu ditangani di peringkat kebangsaan tetapi cadangan ini sememangnya melambangkan hasrat kita untuk memberi peluang kepada lebih ramai rakyat jelata menentukan masa depan negara.

Y.B. Datok Keramat juga dalam Fasal 19 menyoalkan kalaulah daftar pemilih itu tidak bersih, bagaimana kita ingin menjalankan pilihan raya? Itupun satu perkara yang sedang diperjuangkan, mudah-mudahan dengan usaha semua pihak khususnya dari rakyat yang menyokong tuntutan BERSIH, daftar pemilih kita dapat dibersihkan.

Y.B. Bukit Tengah telah menimbulkan satu perkara yang menyentuh tentang hilang kelayakan dan sukacita saya dimaklum saya maklumakan bahawa Enakmen ini sememangnya perlu juga *operate under assisting national law and constitutional law* dan sememangnya kehilangan layakan yang disentuh oleh Yang Berhormat diperuntukkan di perkara 119 Perlembagaan Persekutuan sememangnya, maaf ya, 119 (3)(b) iaitu hilang kelayakan setelah dijatuh hukuman penjara melebihi 12 bulan.

Y.B. Seri Delima menyokong Rang Undang-undang ini dan merasakan ada beberapa kekurangan dan tata cara yang tidak sempurna saya rasa saya pun sudah perelaskan senario bagaimana Enakmen ini ber *operate*. Tanjung Bunga ada cadangan yang amat menarik bahawa sepatutnya lima tahun tempoh diberikan dan had juga diletakkan kepada Yang DiPertua kepada satu penggal sahaja ini kita ambil maklum dan Yang Berhormat juga mencadangkan dalam *interim period* kemungkinan ADUN dari *backbenchers* dapat dilantik sebagai yang dipertua dan yang berhormat sendiri menawarkan diri dalam akhbar bahawa bolehlah mempertimbangkan Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat merasakan dalam sistem yang sedia ada komplek dan aduan atau isu yang berhormat menyinggung Yang Berhormat adalah YDP selalu terikat dengan syarat-syarat atau pematuhan teknikal dan kalau Yang Berhormat menjadi YDP Yang Berhormat mungkin tak perlulah ikut syarat-syarat teknikal tetapi perlu diingatkan negara ini ada undang-undang ada beberapa hirarki undang-undang yang mengikat kita kita bukan orang yang bebas daripada segala peruntukkan undang-undang walaupun menjadi YDP dan kalau begitu mungkin *authorism* akan bangkit YDP tak perlu kira apa-apa tak ikat terikat dia buat apa suka *law of jungle*.

Y.B. Jawi juga mencadangkan dalam jadual pertama dia menyatakan tak seharusnya begitu luas andaikan seorang warganegara sudah cukup untuk menjadi calon Ahli Majlis perlu diingatkan dalam undang-undang dan perlembagaan kita pun tak ada sekatan itu sesiapa yang lahir ataupun menjadi warganegara bagi peringkat parlimen dia boleh tanding mana-mana dari Arau kepada Semporna di Sabah, tak ada halangan di negeri mana tak kira dia dilahirkan di mana dilahirkan di Perlis dia boleh tanding di Sabah atau Sarawak pun tak ada halangan. Bagi kelayakan bertanding dalam Dewan Undangan Negeri, calon itu perlu membuktikan dia seorang penduduk yang bermaustatin dalam negeri yang dia ingin dicalonkan sebagai calon kepada Dewan Undangan Negeri.

Misalnya Y.B. Jawi ingin menjadi calon di untuk bertanding Dewan Undangan Negeri dia patut buktikan dia seorang yang bermaustatin di negeri Pulau Pinang dia tak perlu lahir di Negeri Pulau Pinang itulah undang-undang yang sekarang saya rasa kita pun cuma ada sekatan sahaja bahawa calon mesti menjadi pemilih dari dalam Pihak Berkuasa Tempatan yang dia ingin tandingkan, misalnya Y.B. Jawi berminat bertanding sebagai ahli majlis bagi

MPSP dalam daftar pemilih Yang Berhormat perlu menjadi pemilih dalam daftar pemilih mana-mana kawasan di Seberang Perai itu sahaja kalau nak tanding di pulau pinang itu ada sekatan itu sekatan yang satu sahaja terhadap siapa yang layak menjadi calon.

Rasional kita melakukan meletakkan sekatan ini bukan sekatanlah kira sepatutnya Ahli Majlis atau YDP perlu mengada *local knowledge* ataupun memahami selok-belok kawasan yang calon itu duduk barulah mungkin paham dengan lebih dekat. Itulah tujuan kita supaya kita perlulah menjadi penduduk ataupun permaustatin dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa jika kita mau bertanding di sana.

Yang Berhormat Sungai Bakap, berhujah tentang pemetaan semula persempadan semula itupun isu yang cuma dapat ditangani di peringkat kebangsaan. Saya pun masih ingat dalam Dewan ini bersama Y.B. Bagan Jermal, Y.B. Sungai Puyu, dua pada tahun 1992 kita pernah melakukan satu yang bersejarah, kita menolak pindaan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang untuk menambah kerusi, sebab persempadan pada masa itu tidak dimaklumkan ataupun dikongsikan makluman kepada pihak pembangkang, pada masa itu BN tidak ada majoriti 2/3. Jadi kita tidak setuju dengan cadangan untuk menambah kerusi melalui persempadan semula. Itupun Y.B. Sungai Bakap perkara ini cuma dapat di lakukan oleh SPR, walaupun kita tak suka itulah hakikat.

Saya rasa Y.B. Pantai Jerejak juga mencadangkan supaya tempoh adalah untuk 4 tahun sedangkan Y.B. Tanjung Bunga kata 5 tahun, tetapi apa yang kita lakukan cuma mengikut amalan sebelum ini, apa yang dilakukan sebelum ini kita cuma memulihkan, itulah kata usaha-usaha memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan pada masa itu. Peringkat ini kita cuma berhasrat memulihkan apa yang ditinggalkan pada masa itu sekiranya kita dapat melangkaui halangan-halangan perlembagaan, halangan undang-undang dan politik barulah kita boleh menambahbaik banyak lagi Fasal ataupun seksyen-seksyen di dalam Enakmen ini.

Padang Lalang setuju dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan walaupun tak seratus peratus menang, inilah memang pendirian kita apabila kita memutuskan untuk mengadakan Enakmen ini kita pun perlu menghormati semangat pilihan raya. Pilihan raya tidak menjamin kemenangan setiap kali kita bertanding itulah semangat pilihan raya yang kita ingin pupuk dan ingin kita pertahankan jadi dengan ulasan kepada pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian yang saya semestinya merasakan juga membayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat mengambil bahagian saya ucapkan terima kasih kepada Dewan ini atas pandangan dan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang terhormat masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Speaker:

“ Ya” lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk mengadakan satu peruntukan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara yang bersampingan dengannya.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

Setiausaha:

Fasal 1 hingga 24.

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 1 hingga 24. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Y.B. Dato' Speaker:

Sebelum itu. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker saya membangkitkan aturan 63 di peringkat ini di mana saya ingin membuat pindaan kepada 3 fasal dan menurut aturan 64 saya telah pun menuliskan cadangan pindaan dan diberikan kepada Y.B. Dato' Speaker.

Yang pertama ialah kepada seksyen 2 di muka surat 7 Rang Undang-undang Seksyen 2 tafsiran yang terakhir iaitu "pilihan raya yang dipertandingkan" ertinya pilihan raya yang mempunyai lebih daripada seorang calon sah yang dinamakan daripada kekosongan untuk diisi, itu adalah asal.

Di mana saya memohon ataupun mencadangkan pindaan di mana kita batalkan perkataan "daripada seorang" dan menjadikannya "pilihan raya yang dipertandingkan". Ertinya pilihan raya yang mempunyai lebih calon sah yang dinamakan daripada kekosongan untuk diisi. Itu adalah pindaan saya yang pertama dan juga kepada versi bahasa inggerisnya di muka surat yang arif Y.B. Dato' Speaker muka surat 32 di mana *contested election page 32 contest ...*(dengan izin), "*contested election means an election at which more than one candidate stand nominated than vacancies to be filled. This is original.*"...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker di mana pindaan yang saya cadangkan ialah "*contested election means an election at which more candidates then one is to be cancel. More candidate stand nominated then there are vacancies to be filled there are to be added*".

Kedua Y.B. Dato' Speaker Seksyen 4 (2) (d) di muka surat 8 Rang Undang-undang di mana saya baca di bawah tajuk Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan 4 (2) tertakluk kepada Subseksyen (3), setiap perintah yang dibuat di bawah bahagian ini boleh (d) menetapkan calon bagi pilihan raya sebagai Ahli Majlis dan kehilangan kelayakan sebagai Ahli Majlis ini adalah asal.

Cadangan pindaan saya ialah tambahkan perkataan "kelayakan di antara menetapkan dan calon, menetapkan kelayakan calon bagi pilihan raya sebagai Ahli Majlis dan kehilangan kelayakan sebagai ahli majlis".

Perkara yang sama di versi Bahasa Inggeris dapat kita lihat di muka surat 33 Y.B Dato' Speaker *count under the heading ...*(dengan izin), *councilors of local authority subject 4 (2) subject to subsection (3), every order made under this part may (d) prescribe candidates for election as Councillors and the disqualifications of Councillors*".

Saya cadangkan pindaan ataupun tambahan perkataan "*the eligibility of*" di antara perkataan "*prescribe candidates*"; dan

Akhirnya Y.B. Dato' Speaker, saya cadangkan pindaan kepada seksyen 24 Subseksyen 2 yang dapat dilihat di muka surat 21 di mana di bawah tajuk kecuali dan peralihan di peruntukkan Subseksyen 2.

Saya baca "Apa-apa seksyen rujukan di dalam mana-mana undang bertulis kepada Yang DiPertua, Ahli Majlis atau Ahli-ahli Majlis pihak berkuasa tempatan yang mana Enakmen ini dirujuk hendaklah dianggap rujukan kepada Yang DiPertua, Ahli Majlis atau Ahli-ahli Majlis masing-masing yang dilantik di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976'.

Cadangan pindaan saya ialah perkataan "dilantik di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976", di tukar dengan perkataan "dipilih atau dilantik" di bawah Enakmen ini, kerana ini adalah berkenaan rujukan kepada Yang DiPertua dan Ahli Majlis di mana rujukan di buat di bawah Enakmen ini dan bukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan yang terkandung di Seksyen 24, Subseksyen 1.

Ini juga *sorry* versi Inggeris nya, dapat kita lihat di muka surat 45, saya baca ..(dengan izin), "*savings and transitional 24 (2) Any reference in any written law to the President, Councilor or Councillors of a local authority to which this Enactment referred shall be deemed to be a reference to the President, Councillor or Councillors respectively appointed under the Local Government Act 1976*".

Cadangan pindaan saya ialah "*appointed under the Local Government Act 1976*" di tukar ataupun diganti '*elected or appointed under this Enactment*'. Itu sahaja cadangan-cadangan pindaan saya.

Y.B. Dato' Speaker:

Minta Padang Kota untuk memberi ulasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Terima kasih Y.B. Datok Keramat atas pindaan yang dicadangkan berhubung dengan Fasal 2, Fasal 4 (2) (d) dan Fasal 24 (2). Dengan ini saya mohon jasa baik Y.B. Dato' Speaker menggunakan kuasa di bawah Peraturan 63 (2) untuk meminda perkara ketiga sahaja. Iaitu Fasal 24 (2) memandangkan Perkara 1 iaitu Fasal 2 dan Fasal 4 (2)(d) merupakan kesilapan *grammar* sahaja.

Tetapi perkara ketiga itu, yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat perlu dibuat pindaan daripada apa yang dicadangkan iaitu dalam teks Bahasa Kebangsaan Fasal 24(2). Apa-apa rujukan di dalam mana-mana undang bertulis kepada Yang DiPertua, Ahli Majlis atau Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, maka rujukan itu hendaklah dianggap termasuk rujukan kepada Yang Dipertua, Ahli Majlis atau Ahli-ahli Majlis masing-masing yang dipilih di bawah Enakmen ini untuk mengganti apa yang sedia ada dalam Rang Undang-undang ini dan dalam teks Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

“Clause 24(2) Any reference in any written law to the President, Councillor or Councillors of a local authority that reference shall be deemed to reference to the President, Councillor or Councillors respectively elected or appointed under this Enactment”, seperti mana yang dicadangkan oleh Y.B. Datok Keramat.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya minta persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi, disebabkan pindaan. Jadi Fasal 1 hingga 23. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 24 dengan pindaan. Adakah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Setiausaha:

Jadual Pertama.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadual pertama. Adakah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Setiausaha:

Jadual Kedua

Y.B. Dato' Speaker:

Jadual Kedua. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara bersampingan dengannya.

Y.B. Dato' Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y. B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai, dan apa-apa perkara yang bersampingan dengannya setelah dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang di baca bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya pohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Y.B., masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga adalah diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya". Yang tidak bersetuju, katakan "Tidak".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya".

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya", lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bagi apa-apa perkara yang bersampingan dengannya, maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

Setiausaha:

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan yang mulia ini menetapkan supaya Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat hendaklah dari semasa ke semasa menimbangkan cadangan untuk meminda dan mengemaskini peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Cadangan pindaan tersebut adalah seperti di lampiran

yang diedarkan atas meja mesyuarat. Nyata pindaan peraturan-peraturan mesyuarat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat hendaklah dibentangkan pada Dewan dalam mesyuarat Dewan yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker:

Usul ini ada sokongan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Selaras dengan usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri dan seperti ketetapan Peraturan 109 (d) (3), di mana usul ini telah dicadang dan disokong maka usul ini sebabkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Usul ini akan dibincang setelah Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat mengemukakan penyata kepada Dewan yang mulia ini dengan cadangan tersebut.

Setiausaha:

Usul daripada Y.B. Ahli Kawasan Penanti.

Y.B. Dato' Speaker:

Usul Y.A.B. Ketua Menteri , maaf, tak ada, kita teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk membersihkan daftar pemilih Induk agar perjalanan Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah Bersih, Adil dan Bebas.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, seperti yang kita semua sedia maklum bahawa mandat Kerajaan Persekutuan sekarang akan berakhir pada bulan April 2013.

Ini bermakna Pilihan Raya Umum Ke-13 mungkin akan berlaku tidak berapa lama lagi. Namun apa yang mendukacitakan ialah, hampir setiap hari pendedahan demi pendedahan mengenai penipuan atau kepingangan pada Daftar Pemilih Induk didedahkan oleh pelbagai pihak terutamanya daripada Pakatan Rakyat. Hal ini amat mengecewakan kita kerana biarpun Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (PSC) telah menyatakan syor mereka bagi memperbaiki sistem pilihan raya di Malaysia, namun pelbagai kecacatan pada Daftar Pemilih ini masih lagi dikesan. Bahkan yang lebih mengecewakan ialah isu mengenai membersihkan senarai Daftar Pemilih oleh SPR ini sebenarnya langsung tidak diterima untuk dimasukkan bersama-sama laporan PSC berkenaan semasa persidangan Parlimen tempoh hari.

Y.B. Dato' Speaker, memandangkan perkara yang paling asas dan penting dalam soal penambahbaikan sistem pilihan raya iaitu memastikan Daftar Pemilih yang bersih dan telus masih belum mendapat perhatian yang sepatutnya dan serius daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), serta SPR juga dilihat gagal memberikan komitmen yang penuh untuk memastikan segala kepingangan dalam Daftar Pemilih akan diatasi maka saya mengambil peluang pada persidangan Dewan yang mulia pada hari ini untuk mengusulkan perkara tersebut bagi menunjukkan bahawa rakyat Pulau Pinang juga harus bersuara menyatakan pendapat mereka bagi menuntut Daftar Pemilih yang bersih digunakan pada Pilihan Raya Umum yang ke-13 nanti.

Y.B. Dato' Speaker, pada penghujung tahun 2011 lalu pihak SPR telah mempamerkan 42,000 nama pengundi ragu yagn dikatakan status kewarganegaraan mereka tidak dapat disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan proses pameran tersebut telah tamat beberapa bulan yang lepas namun sehingga kini, SPR gagal membersihkan nama-nama tersebut daripada Daftar Pemilih Induk. Terdahulu lebih kurang 122,273 ribu orang pemilih yang diragukan juga telah di kesan di Sabah yang terdiri daripada bangsa Indonesia, Filipina dan sebagainya di dalam Daftar Pemilik Induk berakhir Disember 2010.

Hal ini amat menyedihkan sekali bagi kita rakyat Malaysia kerana sekiranya mereka ini merupakan bukan warganegara Malaysia, mana mungkin mereka ini boleh dibenarkan mengundi di dalam pilihan raya. Contoh-contoh nama yang meragukan di Sabah kalau boleh, Y.B. Dato' Speaker, saya bacakan. Satu daripadanya ialah Parjinem binti Karto, Kad Pengenalan No. 650622125284, alamat tak dibagi. Parlimen Kimanis, DUN Bongawan, Daerah mengundi Bongawan, Lokalitinya Bongawan Town. Itu merupakan satu contoh. Kalau di Selangor pula contohnya seperti. Kad Pengenalan 380424715016. Nama, nama ini pelik betul, Soeseje Scwanne Jetty Silvana Groeneveld, tak tahu bangsa apa ini, Y.B. Dato' Speaker. Lahir 24 April 1938, Perempuan, Lokality, Kampung Baru Semenyih dan Daerah

Mengundi, Kampung Baharu, DUN Semenyih, Parlimen Hulu Langat dan Negeri Selangor. Itu merupakan contoh yang spesifik. Y.B. Dato' Speaker. Untuk kes-kes seperti yang ini saya berpendapat bahawa laporan awal Jawatankuasa PSC untuk meminta supaya ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat kes-kes warga asing diberi kewarganegaraan dan kemudiannya didaftarkan sebagai pengundi adalah relevan. Dan saya juga mencadangkan bahawa Suruhanjaya Siasatan ini menyiasat bukan sahaja di Negeri Sabah malah Daftar Pemilih di Seluruh Malaysia termasuk di Negeri Pulau Pinang ini.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, ialah pengundi tanpa No. alamat rumah. Sehingga kini sejumlah 2,0424.05 juta pemilih di seluruh negara pula telah didaftarkan tanpa alamat. 2.4 juta. Daripada jumlah itu, terdapat lebih kurang 668,710 pengundi yang tidak mempunyai No. Rumah dalam Daftar Pemilih Induk berakhir Disember 2010. Dan sebagai contoh di Putrajaya terdapat 150 pengundi yang tanpa nombor rumah dalam Daftar Pengundi Induk berakhir Disember 2010 pada hal kawasan ini, adalah kawasan baru dan merupakan Taman yang moden.

Justeru itu SPR disarankan supaya menyemak semula semua pengundi yang tidak dimasukkan nombor rumah mereka dan SPR juga diminta untuk menyertakan alamat rumah yang lengkap bagi setiap pengundi dan Daftar Pengundi Induk dan juga daftar pengundi tambahan yang akan datang. Ini memandangkan SPR mempunyai maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara yang juga disertakan dalam borang permohonan pengundi baru.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker mengenai pengundi yang ramai di satu-satu rumah. Mimos Berhad selaku auditor yang dilantik oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) telah mengaudit daftar pemilik induk dan mereka telah mengesan kira-kira 200,000 orang pemilih yang mencurigakan di antaranya diklasifikasikan seperti berikut:

Terdapat 820 kes di mana satu alamat rumah mempunyai lebih daripada 100 pemilik. Keduanya terdapat 1,259 kes di mana 51 hingga ke 100 pemilik didaftarkan disatu alamat rumah dan ketiga terdapat 3,254 kes di mana 21 hingga 50 pemilik ataupun orang didaftarkan di satu alamat dalam satu rumah, dan keempat ada 6,000 dua kes di mana 11 hingga 20 pemilik didaftarkan di satu alamat rumah.

Jadi untuk rujukan, sebagai contoh sahaja di Kampung Bagan Serai, Permatang Pauh Pulau Pinang, ini lebih spesifik di Pulau Pinang, sebuah rumah yang beralamat 1155 dihuni oleh 96 pemilik, manakala rumah beralamat 1138 pula didiami oleh 67 pemilik yang semuanya merangkumi pelbagai bangsa. Untuk kes ini SPR masih belum mengambil sebarang

tindakan sehingga ke hari ini sungguhpun laporan telah dikemukakan. Ini seperti yang disaran oleh Yang Berhormat Seberang Jaya. Memang kita telah membuat laporan tetapi tidak diambil tindakan. Oleh yang demikian saya ingin menyuarat di Dewan yang mulia ini mendesak supaya SPR turun padang untuk menyiasat kes-kes sebegini dan mengeluarkan nama-nama pengundi ini jika mereka tidak pernah menetap di rumah tersebut, dan sekali untuk memudahkan kerja-kerja penyemakan atas rumah-rumah yang didaftarkan dengan jumlah pengundi yang ramai SPR diminta untuk membekalkan daftar alamat pengundi yang lebih lengkap dengan lokaliti sesebuah daerah pengundi dikhaskan kepada jalan tertentu dan bukannya nama am yang sukar untuk mengesan pengundi-pengundi tersebut.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker pengundi terlalu tua dalam daftar pemilik. Selain daripada kes-kes yang telah saya nyatakan di atas, terdapat juga kes dalam daftar pemilik induk SPR yang menunjukkan terdapat 65,000 pengundi yang berumur 85 tahun ke atas, ini negara sihat dan lebih 1,000 pengundi yang berumur lebih 100 tahun, terdapat 19 nama pengundi yang lahir sebelum 1900, walaupun kebanyakan pengundi yang berumur 85 tahun ke atas dipercayai masih hidup, namun pengundi-pengundi yang melebihi 100 tahun adalah sangat diragui. Pada 30hb. April 2012 yang lalu pengundi yang paling tua di Malaysia telah dikesan dalam daftar pemilik yang telah disahkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan umur 158 tahun yang lahir pada tahun 1853 dan sehingga ke saat ini jika kita menyemak melalui sistem semakan *online* SPR butir-butir pemilik yang berusia 158 tahun tersebut masih dalam daftar pemilik yang telah disahkan dan pemilik tersebut no kad pengenalan 530823040010, nama Wong Kuan Wai, lahir 23 Ogos 1853, jantina – perempuan. Lokaliti mengundi di Jalan Air Penuh, daerah pengundi Air Panas, Kedah dan zon, tak ada, sebab dia Parlimen Setia Wangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jadi angka 158 tahun merupakan satu angka yang cukup menakjubkan jika beliau masih lagi hidup pada ketika ini dan timbul persoalan mengapa SPR masih lagi menyimpan lagi data individu seperti ini dan terlalu sayang untuk mengeluarkannya dan saya secara peribadi tidak jangka beliau masih lagi hidup, jikalau benarlah ini benar-benar wujud di Malaysia dan alasan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak memaklumkan nama-nama yang sudah meninggal dunia kepada SPR untuk dihapuskan juga seakan-akan tidak relevan memandangkan membersihkan daftar pemilik adalah tugas hakiki SPR dan ini adalah tanggungjawab SPR dalam menyelesaikan masalah SPR ini yang masih lagi tidak nampak kesudahannya walaupun pilihan raya umum kedua belas 2008 sudah empat tahun berlalu.

Maka dengan ini adalah disyorkan SPR mengambil tindakan menyiasat dengan terperinci nama-nama warga emas yang lebih 100 tahun ini melalui Jabatan Pendaftaran Negara dan seterusnya membersihkan nama-nama

tersebut dari daftar pemilik yang sedia ada. Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, nombor kad pengenalan yang bertentangan jantina. Ini cukup menarik, di samping itu juga terdapat penemuan yang menunjukkan bahawa lebih 15,000 nama pengundi yang didaftarkan dengan menggunakan nombor kad pengenalan yang bertentangan jantina mereka, maksudnya ialah terdapat nombor kad pengenalan yang berakhir dengan nombor genap yang sepatutnya untuk wanita didaftarkan sebagai pengundi lelaki, dan terdapat juga kes nombor kad pengenalan yang berakhir dengan nombor ganjil, yang sepatutnya untuk lelaki dan didaftar sebagai pengundi wanita. Itu kita ada contoh Y.B. Dato' Speaker....*(sambil menunjukkan gambar tersebut)*.

Bagi saya perkara ini sangat memalukan dan mendukacitakan kerana dalam kita bermegah kononnya sistem pilihan raya kita merupakan antara yang terbaik di dunia. Ini kalau kita rujuk laporan Utusan Malaysia 20hb. June 2011 yang disebut oleh Datuk S. Subramaniam, Timbalan Presiden MIC, timbul satu persatu penemuan pelik yang langsung tidak diduga oleh akal dan ini tidak termasuk penemuan seorang warga emas yang tertua di Negeri Perlis dengan kad pengenalan yang menunjukkan usia baru 15 tahun.

Y.B. Dato' Speaker, kita cukup bimbang sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera maka kesalahan yang mungkin dianggap terlalu biasa dan teknikal ini juga akan terus berleluasa berlaku tanpa kita sedari termasuk di Negeri Pulau Pinang ini. Oleh itu bagi kes nombor kad pengenalan yang meragukan pula SPR boleh mengambil tindakan menyemak nama-nama tersebut dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan seterusnya membersihkan senarai tersebut daripada daftar pemilik.

Seterusnya penukaran lokaliti sedia ada ke lokaliti yang baru, ini lebih mengelirukan dan lebih bahaya Y.B. Dato' Speaker, perkara yang ingin saya utarakan ialah berkenaan dengan penukaran lokaliti sedia ada ke lokaliti yang baru di kawasan penundi. Masalah ini menyebabkan parti-parti politik sukar untuk mengesan pengundi-pengundi yang menetap di lokaliti baru ini. Ia juga menyukarkan parti-parti bertanding ataupun pemantau untuk mengesan pengundi yang ramai yang didaftarkan dalam satu rumah.

Masalah ini bertambah buruk apabila senarai daftar pengundi induk tidak mengandungi alamat tempat tinggal pengundi seperti yang telah dinyatakan di awal tadi. Contoh-contoh penukaran lokaliti yang dibuat di Selangor umat bahaya. Di Ulu Selangor 21 lokaliti di Gedansa disatukan menjadi satu lokaliti di bawah nama Felda Kampung Gedansa dan di Gombak pula terdapat Jalan Laksamana, Jalan Laksamana 1/1 hingga Jalan Laksamana 10 pada 2008 setiap jalan ini ditetapkan oleh SPR sebagai lokali-lokaliti individu. Akan tetapi SPR telah menggabungkan kesemua jalan di atas dan menjadikannya satu lokaliti serta menamakannya sebagai Jalan Laksamana 1 hingga ke 10.

Untuk itu bagi tidak menyukarkan atau pengelirukan parti-parti yang bertanding saya ingin mencadangkan agar SPR mengguna kembali nama lokaliti awal dan bagikan nama jalan sebagai lokaliti bagi setiap daerah pendundi serta SPT mesti menyertakan alamat penuh pengundi dalam daftar pengundi induk dan juga tambahan.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan refomasi undi pos, selain daripada penemuan-penemuan menarik pada daftar pemilik, daftar pemilik induk yang telah saya nyatakan di atas, terdapat juga pemasalahan lain yang ingin saya utarakan berkaitan daftar pemilik ini bagi usaha tindakan segera oleh pihak SPR menjelang pilihan raya ke-tiga belas yang akan datang.

Pertama tentang pemansuhan peraturan-peraturan pilihan raya iaitu pengundi pos 2003 dalam Akta Pilihan Raya 1958 yang memberi kuasa penuh kepada SPR untuk menentukan siapa yang boleh menjadi pengundi pos. Ianya termasuklah pemansuhan atau pemindahan kepada peraturan-peraturan pilihan raya. Pengundi pos 2003 Akta Pilihan Raya 1958 yang memberi kuasa penuh kepada SPR untuk menentukan siapa yang telah menjadi pengundi pos dan peraturan pilihan raya ini patut di gubal supaya sebarang pertukaran status pengundi biasa kepada pengundi pos ataupun pengundi awal mesti melibatkan atau memaklumkan kepada SPR setiap parti politik yang akan bertanding dalam pilihan raya dan dipersetujui dahulu oleh semua parti politik tersebut. Dan begitu juga dengan pengundi awal bagi Tentera ataupun Polis, jika undi awal diperkenalkan untuk menggantikan undi pos saya mencadangkan supaya pengiraan undi awal ini dibuat sebaik sahaja pengundian selesai iaitu sama seperti amalan yang dilakukan oleh undi biasa pada hari pengundian, dan borang 15 iaitu borang yang berkaitan dengan pengundi pos ini disahkan serta ditandatangani oleh semua agen pengira calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya dan kempen pilihan raya yang setara kepada pemerintah mahupun pembangkang untuk Tentera ataupun Polis.

Y.B. Seterusnya saya ingin sebutkan tentang pemansuhan undi pos untuk pasangan Tentera ataupun Polis. Penambahan ketara pengundi pasangan Tentera ataupun Polis telah berjaya memberi kesan, terutamanya di Batu Maung di Negeri Pulau Pinang ini. Dalam daftar pengundi tambahan suku tahun kedua terdapat, 422 pengundi pos baru ditambah di Batu Maung dan mereka adalah terdiri daripada pasangan Tentera begitu juga di Telok Ayer Tawar di mana 151 pasangan Tentera didaftarkan sebagai pengundi pos pada suku tahun kedua sahaja, dan menurut peraturan pilihan raya pindaan 2002 dalam Seksyen 2 (b) menetapkan bahawa isteri seorang anggota Tentera di beri peluang sama ada mahu mendaftar sebagai pengundi pos atau pengundi awam.

Oleh justeru itu saya ingin mencadangkan agar Dewan yang mulia ini mendesak supaya penambahan ini dikeluarkan dari pendaftar pengundi yang sedia ada kerana dipercayai dibuat tanpa mengikut peruntukan undang-undang. Tambahan pula pasangan-pasangan Tentera ini juga tidak menjalankan tugas dan bebas untuk mengundi pada hari mengundi. Mereka tidak mempunyai hak lebih istimewa untuk menjadi pengundi pos, sedangkan pelajar dan warganegara Malaysia yang sedang belajar atau bekerja di luar negara tidak dapat didaftarkan sebagai pengundi pos dan perkara ini sungguh tidak adil bagi warganegara Malaysia yang sedang berada di luar negara, kerana mereka juga sebagai rakyat Malaysia berhak untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada negara.

Y.B. Dato' Speaker tuntutan-tuntutan lain yang boleh kita kemukakan ialah pertama assess media yang bebas dan adil. Seiring dengan sambutan Hari Kebebasan Media Sedunia yang baru disambut pada 3hb. Mei yang lalu. Sesungguhnya kita juga amat berharap agar assess *media* yang bebas dan adil diberikan kepada semua parti yang bertanding. Penyalahgunaan media awam oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional untuk menyerang secara peribadi kepada pimpinan Pakatan Rakyat menjelang pilihan raya amat dikesali dan dikutuk. Ini menunjukkan bahawa pihak Barisan Nasional tanpa ada rasa segan silu menjadikan *media massa* utama negara ini sama ada di rangkaian televisyen, di rangkaian radio, mahu pun internet untuk dijadikan alat kempen mereka bagi memburuk-burukkan pihak lawan

Taktik kotor ini tidak perlu saya ceritakan lagi secara mendalam kerana rata-rata rakyat Malaysia juga sudah sedia maklum bahawa apabila menjelang sahaja pilihan raya, maka pelbagai cerita buruk-buruk tentang Pakatan Rakyat akan dicanang pada setiap hari. Video lucah dan gambar seks juga kini sudah boleh dilihat oleh semua lapisan masyarakat sewaktu rancangan berita kerana mendapat kebenaran daripada Kerajaan yang memerintah. Ialah satu lagi titik hitam bagi sejarah penyiaran negara yang seterusnya bakal melahirkan generasi muda yang rosak akhlak.

Pihak SPR disarankan supaya mengambil langkah pro-aktif untuk memastikan liputan media sama ada media cetak ataupun elektronik yang sama rata kepada semua parti yang terlibat dalam pilihan raya. Kita juga mendesak supaya media milik awam ini digunakan bukan sahaja oleh parti yang menerajui kerajaan sahaja, tetapi sepatutnya oleh kesemua parti yang akan bertanding dalam pilihan raya umum untuk menerangkan polisi parti mereka serta harapan yang ditawarkan pada masa sebelum dan juga pada masa tempoh kempen pilihan raya. Masa penyiaran untuk parti-parti yang terlibat mesti pada masa prima dan dalam jangka masa yang sama untuk semua parti.

Selain daripada kita di Pakatan Rakyat menolak sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah, kita juga menolak amalan 'rasuah pilihan raya' yang membawa maksud satu pemberian yang hanya diberikan atau diumumkan pada waktu-waktu menjelang pilihan raya sahaja. Pengumuman demi pengumuman yang mencecah jutaan ringgit oleh pimpinan negara pada masa ini dilihat tidak lebih daripada sekadar pengumuman semata-mata tanpa sebarang bukti atau fakta hitam putih. Penggunaan kata-kata seperti *I Help You, You Help Me* oleh pemimpin negara juga merupakan salah satu bentuk rayuan undi pilihan raya yang pada saya menunjukkan sikap terlalu terdesak untuk mendapatkan perhatian atau meraih sokongan, sedangkan tempoh pilihan raya masih belum diumumkan.

Justeru, saya ingin menyarankan kepada pihak SPR dan juga SPRM supaya lebih bersikap profesional dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dan dapat menangani isu seperti ini. Sistem kewangan parti politik pula jika boleh dengan baik serta had perbelanjaan dalam kempen pilihan raya untuk parti politik yang bertanding dalam pilihan raya dikuatkuasakan dengan adil dan sama rata dapat mengurangkan rasuah politik sewaktu kempen pilihan raya, serta menjamin pilihan raya yang adil dan bersih.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya sistem kewangan pilihan raya untuk parti politik ala Jerman di mana Kerajaan Pusat akan menyalurkan kewangan untuk sebahagian daripada perbelanjaan parti politik dan sebahagian lagi datangnya daripada kutipan derma daripada penyokong serta penderma. Juga dicadangkan supaya had perbelanjaan kempen pilihan raya iaitu RM200,000 untuk kawasan Parlimen dan RM100,000 untuk kawasan Dewan Undangan Negeri serta penggunaan kemudahan awam dipantau dan dikuatkuasakan oleh satu jawatankuasa bersama yang terdiri daripada semua parti yang bertanding dalam pilihan raya umum dan keanggotaannya dibahagi sama rata daripada kalangan parti-parti tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, kita menyeru supaya hendikan taktik kotor, kebelakangan ini, kempen politik lucah dan kotor giat diketengahkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab memfokuskan pimpinan parti politi tertentu sebagai mangsa. Fakta ini seperti yang telah saya tegaskan pada kenyataan saya mengenai keperluan kebebasan media sebentar tadi bahawa sekiranya bahan-bahan lucah dan keterlaluan ini sering kali disiarkan oleh media-media massa, kita amat bimbang kesan yang negatif kepada minda golongan muda terutamanya kanak-kanak. Golongan ini sekiranya sejak dari kecil lagi telah didedahkan secara langsung dengan pornografi bagaimana pula akhlak mereka masa depan nanti? Sedangkan golongan inilah yang bakal mewarisi kepimpinan negeri dan negara pada masa hadapan.

Justeru, saya ingin menyarankan supaya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang mulia ini mendesak agar pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang terbabit dalam menjalankan Ops Politik Lucah dan kotor ini dikenakan tindakan yang tegas termasuklah diharamkan dari mengambil bahagian dalam pilihan raya.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan soal salah guna kuasa oleh pihak keselamatan. Begitu juga dengan Unit Simpanan Persekutuan (FRU), Polis dan juga Polis Cawangan Khas (*Special Branch*). Semenjak tahun 1999, terutama selepas pilihan raya umum ke-10 pihak Polis telah mengenakan sekatan yang lebih ketat melalui syarat semua ceramah sewaktu tempoh pilihan raya mesti mendapatkan permit polis terlebih dahulu. Begitu juga dengan kegunaan pihak berkuasa seperti FRU yang seolah-olah nampaknya semata-mata untuk menakut-nakutkan pengundi di kawasan tersebut. Begitu juga dengan pegawai-pegawai Cawangan Khas (SB) digunakan untuk merakam video hadirin-hadirin yang datang ke ceramah terutamanya yang dianjurkan oleh Pakatan Rakyat sewaktu kempen pilihan raya serta sekatan-sekatan jalan raya dibuat di jalan ke tempat ceramah yang bagi saya amat keterlaluan. Kita semua sedia maklum bahawa pegawai-pegawai Polis wajib untuk menjaga keselamatan bukan sahaja pada waktu pilihan raya tetapi pada setiap masa. Tetapi adalah diharap kewajipan tersebut disalah guna oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan rasa kesal atas tindakan kekasaran pihak yang sengaja mencetuskan provokasi terhadap anggota keselamatan negara terutamanya pihak Polis pada Himpunan BERSIH 3.0 pada 28 April yang lalu serta kekasaran oleh pihak polis terhadap peserta himpunan. Sesungguhnya perkara sedemikian tidak seharusnya berlaku. Saya juga ingin memuji tindakan pihak PDRM Pulau Pinang yang berjaya memberi kerjasama dan mengawal himpunan yang sama di Pulau Pinang. Ini membuktikan bahawa sekiranya pihak keselamatan dan rakyat dapat bekerjasama maka perkara yang tidak diingini semangnya dapat dielakkan.

Seterusnya Y.B. Dato' Spaker, saya ingin menyentuh tentang pemantauan antarabangsa dan juga tempat. Selain daripada itu juga, bagi menjamin proses pilihan raya yang bersih, adil dan telus, adalah disarankan supaya negara kita mempraktikkan proses yang diguna pakai di negara jiran kita Indonesia dan Thailand. Di Indonesia dan Thailand, pemantauan antarabangsa dan tempatan dibenarkan untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan untuk memastikan pilihan raya di sana tidak dicemari dengan masalah atau gejala rasuah. Jika pilihan raya di Malaysia didakwa sebagai bersih dan adil, mengapa pemantau antarabangsa tidak dibenarkan hadir dalam pilihan raya umum?

Jadi Pemantau antarabangsa dan tempatan yang berkecuali ini seharusnya dibenarkan untuk bukan sahaja memantau perjalanan pilihan raya pada hari mengundi, akan tetapi mereka juga boleh diberi kebenaran untuk memantau laporan media dan aktiviti politik sebelum, sewaktu dan pada hari mengundi, serta proses mengira undi dijalankan. Para pemantau ini juga dapat mengelakkan pegawai-pegawai SPR sendiri daripada mengingkari undang-undang ataupun peraturan-peraturan pilihan raya. Kalau sekiranya negara-negara boleh melakukannya, kenapa tidak di negara kita? Satu perkara lagi misi tarikh pilihan raya mesti ditetapkan terlebih awal, kalau di negara-negara lain boleh dilaksanakan, dan kita boleh umum kuasa pilihan raya dengan cepat, kita di sini pun patut diadakan juga.

Dan sebagai penutup Y.B. Dato' Speaker hujah-hujah yang saya nyatakan semua merupayakan antara ketetapan yang disaran untuk sokongan ahli politik di Dewan yang mulia ini. Walaupun sebenarnya masih ada banyak lagi tuntutan yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga SPR saya memutuskan untuk tidak bicarakan perkara tersebut dan mungkin sebagai contoh yang lebih yang boleh saya nyatakan secara ringkas ialah seperti tuntutan tempoh berkempen untuk dipanjangkan. Deposit pilihan raya dikurangkan, umur bagi layak mengundi juga dikurangkan kepada 18 tahun, jangka masa pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dipanjangkan kepada sekurang-kurangnya 21 hari. Menubuhkan Kerajaan Sementara (*caretaker government*) selepas Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan dan SPR dijadikan satu badan bebas tanpa campur tangan kuasa eksekutif.

Y.B. Dato' Speaker kita bertekad mahu hanya rakyat negara ini memilih pemimpin mereka. Kita tidak mahu warga asing menentukan kepimpinan negara. Justeru itu kita mendesak daftar pemilih induk dibersihkan terlebih dahulu sebelum PRU ke-13 diedarkan. Sekian sahaja hujah-hujah saya dan demi menyatakan kepada SPR bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menuntut supaya daftar pemilih induk dibersihkan demi perjalanan Pilihan Raya Umum ke-13 yang Bersih, Adil dan Bebas. Saya mohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Penanti. Usul ini ada sokongan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Saya rasa, saya tidak mahu mengulangi, satu penyampaian yang begitu komprehensif oleh Yang Berhormat Penanti. Hujah-hujah ini kenapa kita perlukan satu daftar pemilih yang bersih dan adil ini memang hujah-hujah ini meyakinkan kita kenapa daftar pemilik ini perlu diubah, perlu dibaiki. Tapi soalan pokok pada saya, adalah sama ada yang jadi masalah sekarang adalah daftar pemilik, yang ini memang saya mengakui. Ini adalah saya rasa tuntutan BERSIH, pergerakan BERSIH yang adakan pergerakan yang begitu besar pada dua (2) minggu yang lalu. Tapi persoalan kepada saya adalah mengenai SPR sendiri.

Pertama, adakah SPR ini bebas? Dan siapa yang sebenarnya mengawasi SPR? Siapa yang melantik pegawai-pegawai SPR? Apakah kriteria-kriteria yang melantik SPR? Ini saya rasa persoalan yang pokok. Dan ini saya rasa telah diungkitkan dalam mungkin 20 tahun-30 tahun. Dan Parlimen ini saya rasa bahawa SPR ini adalah di bawah naungan Perdana Menteri, Badan Eksekutif. Mereka cuma laporkan kepada Perdana Menteri, Kabinet dan sebagainya. Tapi Parlimen tidak berkuasa atas SPR. So bolehkah kita menuju satu jalan ke arah di mana badan seperti SPR ini bertanggungjawab untuk Parlimen sama ada mereka Ahli-ahli Kerajaan atau Ahli-ahli Pembangkang. Jadi kalau kita tidak betulkan SPR ini saya rasa amat sukar untuk membetulkan ini daftar pemilih ini. Jadi saya memang apa yang telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri cukup komprehensif dan beliau juga beri apa masalah-masalah yang terkandung dalam daftar pemilih ini yang sedia ada. Tapi ini adalah persoalan yang timbul semasa abad 18. Ini antara 2 puak sosialis kiri dan sosialis kanan di Jerman. Dan sosialis kanan ini diketuai oleh Yahudi, sosialis kiri diketuai oleh Calbas. Diskriminasi oleh orang Yahudi oleh pemerintah, Jerman yang bercorak agama kristian. So hujah Yahudi ini ialah kalau mereka menjadi pemerintah yang *neutral* atau *autonomous*, kalau dia boleh pisahkan dari agama kristian mungkin agama Yahudi akan terus dibela. Tapi hujah sosialis kiri ialah masalah bukan agama masalah pemerintah sendiri. So ini yang saya bawa ke Federal, di mana masalah adalah SPR adalah Kerajaan Barisan Nasional yang mengongkong SPR.

Dalam bahasa Inggeris *election commission* lebih tepat kita namakan *election commission*. Sebab dia tidak membenarkan satu sistem pilihan raya yang adil, yang bersih, yang bercorak demokrasi dan sebagainya. Jadi dalam konteks ini, saya sebenarnya usul ini merujuk kepada pembersihan daftar

pemilih. Ini memang suatu langkah yang perlu diambil dan saya tidak memperkecilkan usul dan hujah-hujah yang telah dibentangkan bukan sahaja oleh Y.B Penanti, di Dewan yang mulia ini. Tapi juga penyokong-penyokong BERSIH untuk membersihkan. Ini perlu diambil dan kita tidak boleh menunda ini. Tapi kita perlu ingat bahawa SPR sendiri jadi *problematic* yang tamak dan Kerajaan Barisan Nasional sampai hari ini sampai tidak mahu melepaskan SPR ini dan siapalah ahli-ahli SPR. Bagaimana SPR ini boleh bertindak adil kalau ahli-ahli SPR di pucuk peringkat tertinggi ini ialah Ahli-ahli UMNO. Tak kisah Ahli-ahli UMNO, Ahli-ahli DAP, Ahli-ahli PAS. Kalau Ahli SPR ini pemegang jawatan SPR ini ada keahlian dalam parti-parti tertentu bagaimana SPR ini boleh memberi satu keyakinan kepada rakyat .

Jadi Y.B. Dato' Speaker isu ini isu pokok. Ini satu perkara yang bukan baru timbul, yang timbul ini ialah isu pembersihan. Jadi ini perlu dilakukan oleh BERSIH dan ini akan didokong oleh Kerajaan Negeri. Saya sendiri telah terlibat dalam pergerakan BERSIH 3.0, kena juga *tear gas* lima (5) minit saya lari macam, mencari perlindungan tapi itu masalahnya. Tapi saya rasa ini tidak boleh diabaikan sebab SPR ini mesti bertanggungjawab terhadap Parlimen dan Parlimen mesti membentuk SPR. Kalau tidak ada, saya rasa kita sudah menyeleweng dalam arena politik. Ini saya rasa pokok hujah saya bahawa, dan tadi perbincangan kepincangan-kepincangan dalam daftar pemilik ini memang kita setuju lebih kurang 2.0 juta pengundi di Malaysia tidak mempunyai alamat. Lebih 1.5 juta tidak mempunyai nombor rumah. Di Sabah pengundi lebih orang daripada orang Philipina dan Indonesia daripada orang Sarawak, ini memang begitu ternyata zaman Dr. Mahathir, bagaimana Sabah jatuh ke tangan Barisan Nasional.

Isu umur pengundi, 60,000 pengundi umur lebih dari 85 tahun, 1,000 lebih 100 tahun. Ada yang terdapat 9,000 lebih yang lahir sebelum abad ke-20. Ini sukar untuk dipercayai. Nombor kad pengenalan yang bertentangan dengan jantina 15,000 menggunakan nombor kad pengenalan yang bertentangan dengan jantina. Penempatan atau penukaran secara *upper three* parti-parti politik sendiri tahu bahawa, pengundi-pengundi mereka in di pindah sini, sana tanpa pengetahuan. Ada juga banyak masalah yang saya rasa kita perlu hakis dan perlu bersihkan daripada daftar-daftar ini dan perjuangan ini, saya rasa baru-baru ini ada rencana politik dalam Malaysia Kini saya rasa. Penulisnya menyatakan "satu masalah besar yang tidak diterima oleh rakyat, semua lapisan masyarakat adalah *code for government election*. Ini saya rasa begitu penting kepada kita dalam Pakatan Rakyat dan pembersihan ini memang sudah mula dan mungkin akan sampai pada satu tahap kemuncak nanti.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, inilah hujah-hujah saya supaya kita jangan pisahkan antaranya ialah daftar pemilik, kemudian peranan SPR dan hubungan SPR dengan Kerajaan Barisan Nasional. Ini tiga (3) kita mesti

mahu kaitkan untuk mengetahui tentang apa sebenarnya peranan SPR dalam negara ini dan kenapa masalah-masalah yang wujud dalam daftar pemilik ini. Dengan itu saya mohon menyokong usul yang telah disampaikan oleh Y.B. Penanti. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul oleh Y.B. Ahli Kawasan Penanti dipersilakan. Hanya lima (5) minit sahaja.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raventharan A/L V. Subramanian):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya sokong usul yang telah dibawa oleh Y.B. Penanti. Sekiranya Pengerusi, Pengarah dan Timbalan Pengarah SPR boleh menjadi Ahli UMNO dan di mana berlaku keadilan dalam sistem keahlian yang dibawa oleh mereka. Saya juga percaya *civilian servant*, pegawai penjawat awam sepatutnya *neutral*, mereka tidak boleh berpihak mana-mana kerajaan. *Civilian servant must be neutral*, dan juga bila ruang kebebasan media tidak diberikan kepada parti pembangkang, seolah-olah Parti Pembangkang satu parti komunis, *mentality* ini akan merugikan rakyat sistem demokrasi apa yang kita perjuangkan. SPR ada nadi, SPR adalah nadi hidup dan mati BN itu hakikatnya. Sebab tanpa SPR BN tidak boleh menang dalam pilihan raya.

Saya bagi satu contoh dari India setelah Parlimen dibubarkan Puan Indra Ghandi sebelum hari penamaan calon Parlimen dibubarkan Perdana pada masa itu Puan Indra Ghandi telah pun mengambil satu helikopter untuk pergi mengziarahi tempat-tempat yang mereka akan bertanding. Bila seorang rakyat biasa mengambil satu *injunction*. *Injunction* itu telah dibenarkan tanpa dipersoalkan langsung, sebab hakim yang memberi *injunction* itu menyatakan dia menggunakan wang rakyat untuk berkempen. Adakah itu berlaku di negeri kita? Semua kenderaan kerajaan digunakan oleh jentera Barisan Nasional, jadi sepatutnya jika pemilihan yang bebas, kenderaan-kenderaan kerajaan tidak boleh digunakan langsung, sebab ini menjadi salah guna kuasa.

Hampir dua (2) bulan yang lepas saya percaya di Parlimen di mana Ahli Parlimen di mana tiga (3) Ahli Parlimen di suruh keluar sebab mereka membentangkan berkenaan isu PAC, cadangan mereka adalah Y.B. Gombak, Y.B. Kuala Selangor dan juga Y.B. Ampang disuruh keluar, kalau hendak cakap pun tidak boleh, hendak bantah pun tidak boleh, nak soal pun tidak boleh. Jadi di manakah sistem demokrasi itu di Parlimen? Saya berterima kasih kepada sistem Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Y.B. Dato' Speaker, kita ada kebebasan bersuara di sini. Apa yang saya ingin bangkit di

seni, sebagaimana ada yang dibangkitkan oleh Y.B. Penanti tadi, Y.B. Dato' Penanti telah membangkitkan bahawa terdapat 42,000 pengundi yang diragui, bukan setakat itu sahaja, laporan SPR sendiri telah mengakui fakta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat 42,000 itu boleh menetapkan menang atau kalah satu Parlimen ataupun satu negeri. Barisan Nasional membawa maksud Parlimen berdemokrasi tetapi Parlimen demokrasi ini adalah satu sistem penipuan. 42,000 pengundi yang meragukan masih belum dibersihkan senarai oleh SPR. Masih wujud lagi nama pengundi yang melebihi 100 tahun. Angka pengundi melebihi 100 tahun adalah lebih daripada 1,000 orang. Pengundi ini keluar dari kubur semasa pilihan raya hidup balik, tetapi ia keluar dia kata, mengundi Barisan Nasional sahaja.

Kalau dia mengundi parti-parti lain pun tak apa, tetapi ini yang mirip saja keluar undi, tiap kali dia undi parti memerintah. Masih ada 65,000 pengundi melebihi 80 tahun, masih ada lagi pengundi yang lahir pada 1900. Jadi SPR dia temberang kuat, bila berlaku fakta-fakta sebegini SPR perlu bertanggungjawab, SPR wajib menyemak nama-nama itu dan membersihkannya sebelum pilihan raya. Kalau tidak jangan salahkan tuntutan BERSIH, BERSIH Ke-3, BERSIH Ke-4 pasti akan berlaku. Sebab SPR tidak ikut telunjuk Perdana Menteri. Ini menunjukkan dengan jelas Barisan Nasional kotor, SPR kotor, Perdana Menteri pun kotor. Oleh itu kita perlukan BERSIH, SPR telah mendaftarkan isteri anggota Polis sebagai pengundi pos, sebab itulah saya mencadangkan SPR perlu bersih. SPR perlu dituduh di mahkamah untuk salah guna kuasa dan penipuan dalam sistem pengundian dalam Malaysia.

Ini adalah selari dengan projek bahagia di Sabah, di mana 630 pengundi baru, walaupun didaftarkan di Sabah sebelum UMNO dapat bertapak di Sabah projek Mahathir ini telah merampas hak rakyat Sabah untuk memilih kerajaan sendiri. Pemilihan dibuat oleh warga asing seperti Myanmar, Pakistan, Vietnam, Indonesia dan Philipina. Jangan biarkan perkara ini berlaku di Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat jangan biarkan perkara ini berlaku di Malaysia Barat. Ini mustahak dalam konteks pilihan raya, walaupun rakyat telah undi 51 % kepada PAKATAN, tidak pasti kita akan melangkah ke Putrajaya. Sebab itu kita perlukan BERSIH, BERSIH dan BERSIH. Dengan wujudnya 240 petugas undi secara pos dan wujudnya penubuhan PSC merupakan satu ilusi pembohongan oleh Barisan Nasional yang tidak telus. Jadi selagi SPR gagal menghapuskan pengundi hantu sebanyak akan merayau begitu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raventharan A/L V. Subramanian):

Y.B. Dato' Speaker, media dikongkong, dan saya memohon media diberi kebebasan untuk melaporkan kebosoran dalam sistem SPR. Perdana Menteri mahu cakap mengenai transfomasi, tetapi mengapa tranfomasi SPR tidak dibuat langsung, suara pun tidak dengar, PSC yang dibuatkan adalah satu ilusi pembohongan sahaja. Dan asyik-asyik dengan transfomasi produk dari kilang BN, kilang BN pun *mind set* nya daripada BN juga...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Okey, saya hendak jemput Ahli daripada Yang Berhormat seterusnya.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raventharan A/L V. Subramanian):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong usul ini.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya ada dua (2) itu yang hendak dibangkitkan, di mana ini merupakan satu gejala yang ganjil di Negeri Pulau Pinang, kerana dalam dua suku tahun yang lepas, itu itu $\frac{1}{4}$ tahun yang lepas dan $\frac{1}{4}$ tahun ini, di mana di Negeri Pulau Pinang dalam daftar pemilihan tambahan yang dipamirkan tiada seorang pemilih mendaftar di Pulau Pinang yang meninggal dunia. Ini menunjukkan bahawa program penghargaan warga emas kita memang berjaya, di mana kita dapat menahan mereka yang akan meninggal dunia ada yang ingin mendapatkan RM100.00 terlebih dahulu.

Jadi saya rasa ini adalah satu gejala keadaan yang luar biasa di mana pada $\frac{3}{4}$ tahun ketiga tahun lepas, di seluruh Pulau Pinang ini hanya 29 pemilih yang berdaftar meninggal dunia. Tapi untuk $\frac{3}{4}$ ke empat dan $\frac{1}{4}$ tahun pada tahun ini di mana tiada seorang pemilih yang meninggal dunia. Jadi apabila saya bertanyakan SPR, mengapa mereka yang meninggal dunia tidak di paparkan, kerana alasanya adalah ini bukan satu kehendak undang-undang. Mengapa ini bukan satu kehendak undang-undang. Mengapa seorang pemilih yang meninggal dunia perlu dikekalkan namanya dan tidak pamerkan.

Saya ingin bertanyakan satu jawapan daripada SPR, dan pada masa yang sama SPR telah memaparkan satu senarai 42,054 orang pemilih awam yang diragui, dan di di Negeri Pulau Pinang kita ada 2,183 pemilih awam yang diragui, di mana kita mendapati banyak pemilih awam yang diragui ini masih hidup, tetapi dianggap sebagai pemilih yang diragui oleh SPR dan SPR

telah memberikan masa sehingga 31 Disember tahun lepas untuk mereka memeriksa atau membuat bantahan terhadap SPR, jika tidak ada aduan diterima. Maka nama mereka akan dipadam atau dipotong, akhirnya dengan bantahan yang saya kemukakan kita mendapati daripada 2,183 diragui ini hanya 58 yang dipotong kerana memang 58 itu didapati mungkin mereka telah meninggal dunia, mungkin mereka telah hilang kewarganegaraan, mungkin atas sebab-sebab yang lain, tetapi 2,125 orang pemilih awam diragui, akhirnya masih kekal di daftar pemilih itu, iaitu bersama dengan 97%. Jadi saya rasa mengapa orang yang mati tidak dipotong, tetapi orang yang masih hidup mereka cuba hendak potong daripada senarai daftar pemilih itu, jadi saya harap SPR perlu lebih *professional* dan kita memang menuntut supaya daftar pemilih dapat dibersihkan sebelum pilihan raya yang akan datang dapat berlangsung. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Akhir sekali, seterusnya Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul berkenaan dengan pembersihan daftar pengundi oleh SPR. Saya ingin menyahut usul ini kerana kita nampak SPR walaupun dia sebagai merupakan satu institusi yang ditubuh di bawah Peruntukan Perlembagaan Negara, tetapi jelasnya SPR adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya bukan cakap kosong kerana kalau semua yang ada di Dewan ini melayari *website* Perdana Menteri dan senarai SPR merupakan salah satu Institusi di bawah Jabatan Perdana Menteri tertera di *website* tersebut.

Jadi dari segi struktur dan sistem jelas bahawa SPR bukanlah satu Institut yang bebas, yang terus melaporkan segalanya kepada Parlimen jadi dari segi itulah kita meragui kebebasan SPR tersebut. Isu daftar pengundi yang tidak bersih itu. Isu yang baru-baru ini berlaku malahan dalam satu kes mahkamah, hakim mahkamah telah membuat observersinya yang mengatakan iaitu dalam kes Haris Mohd Salleh *versus* Ismail bin Mat Jam *returning officer and others* yang dilaporkan di dalam Malaysia Law Journal iaitu 2001 volume tiga, Malaysia law Journal muka surat 433, di mana hakim tersebut telah membuat observasi sebegini, *the instant of non citizen and van dome voters in the electro row as this cruise at is crude, may will be the tips of the iceberg. This is comment knowledge that influx of IT illegal immigrant as plug Sabah for some years*, dia berkenaan dengan isu di Sabah. *It is a well known fact that he had appeal in the local day list to frequently, the explosion of the furtherance practice touch as massive registration of vendome voters is as concerning how ever. He has to be done if we reach to*

defence and reserve the meaningful practice of democracy di Malaysia as *custodian of free and fair election as SPR is duty bound to do it*. Malahan inilah observasi hakim dalam kes tersebut bahawa SPR sepatutnya bertanggungjawab untuk membersihkan daftar pemilih yang ada sekarang, dengan itu saya tidak ingin mengambil masa yang panjang dalam perbahasan ini, kerana contoh-contoh telah diberi oleh Ahli Penanti tadi dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya kalau tidak ada Ahli-ahli yang hendak mengambil perbahasan, seterusnya saya jemput Y.B. Penanti untuk penggulungan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya menyokong usul yang kita bawa pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini. Kita tegaskan dalam usul itu bahawa kita mahu malahan seluruh rakyat Malaysia mahukan satu pilihan raya yang bersih, adil dan bebas. Ini jelas dizahirkan kepada masyarakat Malaysia dan seluruh masyarakat dunia seperti BERSIH 3.0 yang beratusan ribu rakyat Malaysia keluar beramai-ramai tanpa bimbang dan takut, walaupun ugutan diberikan kepada mereka dengan jelas mereka menzahirkan, melahirkan dan memberi mesej yang cukup jelas pada Kerajaan Barisan Nasional bahawa rakyat Malaysia mahu bukan satu pilihan raya yang bersih. Mereka jelas mengatakan, mereka mahu pilihan raya yang bersih, adil dan bebas, mereka juga tidak mahu orang-orang asing seperti yang kita sebut tadi sama ada daripada Indonesia, Myanmar, Philippine atau Vietnam atau mana-mana negara jua mengundi dan memilih pemimpin-pemimpin negara dan mereka mahu rakyat Malaysia sendiri memilih pemimpin-pemimpin mereka.

Y.B. Dato' Speaker, usul yang kita bawa hari ini ialah supaya SPR membersihkan daftar pemilih ataupun daftar pemilih induk ini supaya kita dapat melaksanakan satu pilihan raya yang lebih bebas, adil dan juga bersih, kita kemukakan hujah-hujah dan justifikasi, bagi kita yang cukup kukuh, kita harap ianya dapat perhatian yang cukup daripada pihak pemerintah.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini juga untuk menarik perhatian seperti perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang, dalam hal ini yang memberi peringatan seolah-olah kepada Dewan ini yang *trend* sokongan politik Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini berubah-ubah daripada pilihan raya 1995, 1999, 2004 dan juga 2008.

Saya juga ingin mengingatkan kepada Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Pembangkang selepas pilihan raya 2008 *trend* landskap politik di Malaysia ini memang berubah dan sungguh menakjubkan perubahan-perubahan itu dan kita yakin yang rakyat akan memberi perubahan yang lebih lagi di dalam pilihan raya yang akan datang. Suka juga saya menarik perhatian Ketua Pembangkang memberi peringatan kepada kita, kita juga suka memberi peringatan balik kepada mereka yang di beberapa kawasan khususnya kawasan yang UMNO bertanding pun mereka menang tidak seberapa. Contohnya 2008 BN21 Sungai Aceh, mendapat jumlah undi 5,011, Pakatan Rakyat dapat 4,761 iaitu majoriti BN hanya 250 sahaja, di N39 Pulau Betong BN 4,990 undi Pakatan Rakyat mendapat 4,696 undi iaitu majoriti BN 294 sahaja, di Bayan Lepas N38 BN dapat 6,563 undi, Pakatan Rakyat dapat 6,164 dan majoriti BN pada masa itu ialah 399 undi sahaja dan juga di N40 Telok Bahang BN dapat 4,434 dan undi Pakatan Rakyat dapat 3,969 majoriti 465 undi sahaja dan di N10 Seberang Jaya BN dapat 9,395 Pakatan Rakyat dapat 8,862 pakatan rakyat majoriti sekitar 533 undi, ini menunjukkan apa, menunjukkan majoriti BN pada masa itu sekitar 500 sahaja dan kita yakin dengan perubahan landskap politik 2008 ini, ini juga amaran kepada BN dan bukan sahaja amaran kepada kita.

Dengan itu Y.B. Dato' Speaker, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang memberi sokongan kepada usul ini dan sekali lagi saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini membawa usul supaya pilihan raya yang akan datang ini SPR dapat membersihkan daftar induk supaya ianya boleh dapat dilaksanakan pilihan raya yang ke-13 ini lebih adil dan lebih bersih lagi, sekian terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah usul dari Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Dewan mencadangkan ketetapan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membersihkan daftar pemilih induk agar perjalanan pilihan raya berjalan dengan bersih, adil dan bebas dipersetujui”.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”, yang tidak setuju, katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Speaker:

“Ya”, lebih banyak, usul diterima.

Setiausaha:

Pemilihan Ahli Dewan Negara

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta mengemukakan cadangan nama-nama untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Negara yang baru menggantikan Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dan Y.B. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusof yang akan tamat tempoh sebagai Ahli Dewan Negara pada 30hb. Mei 2012. Pemilihan akan dijalankan mengikut cara sepertimana yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Jadual 7 Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang dipilih akan berkhidmat selama 3 tahun, calon yang akan dipilih mestilah dicadang dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu, bahawa dia bersedia berkhidmat jika dipilih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mencadangkan Dr. Ariffin bin S.M. Omar dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan yang akan tamat tempoh Ahli Dewan Negara pada 31hb. Mei 2012 dan tarikh lantikan ialah pada 1hb. Jun 2012.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan Dr. Ariffin bin S.M. Omar di mana beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada 21hb. Ogos 1949 dan kini berumur 63 tahun. Beliau akan mengisi kekosongan berikutan tamatnya perkhidmatan Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim sebagai Ahli Dewan Negara yang tamat pada 30 Mei 2012. Dr. Ariffin bin S.M. Omar mendapat pendidikan Bachelor Arts, Sejarah Asia Tenggara di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1973, Master Of Arts ataupun Sarjana Sejarah dan Sains Politik di Universiti Singapura pada tahun 1979 dan Phd. Sejarah Asia Tenggara di Australia Nasional Universiti pada tahun 1991.

Beliau merupakan pakar Sejarah Melayu yang terkemuka dan juga bekas Pensyarah Universiti Utara Malaysia dan USM. Kini beliau sedang berkhidmat sebagai Pensyarah dalam bidang Perhubungan Antarabangsa di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Pengasas Persatuan ALIRAN dan pernah menjadi Setiausaha pertama ALIRAN dari tahun 1978 sebelum mengambil alih sebagai Presiden Aliran pada tahun 1997, sebagai pemimpin masyarakat sivil, beliau telah menerajui agenda masyarakat tanpa rasuah pengistiharaan semua wakil rakyat dan juga pemantauan pilihan raya.

Beliau adalah penulis buku terkemuka bangsa Melayu yang diterbitkan pada tahun 1991 oleh Oxford University Press iaitu krisis mengenai konsep demokrasi dan kemasyarakatan dunia Melayu, juga buku “Revolusi Indonesia” pada tahun 2001, USM Press iaitu mengenai kejatuhan monarki Melayu di Sumatera Timur serta pengarang Bumiputera Policies” (Kajian Malaysia) tahun 2004, iaitu mengenai penyelewengan akibat pengenejian keadilan sosila dalam konteks Malaysia yang *cosmopolitan*. Berdasarkan pengalaman beliau yang mendalam dan luas saya berpendapat bahawa cadangan pelantikan beliau sebagai Senator akan membolehkan beliau mewakili hasrat dan suara Rakyat Pulau Pinang. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada cadangan lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamed dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi satu kekosongan yang akan tamat tempoh Ahli Dewan Negara pada 31hb. Mei 2012 dan tarikh lantikan adalah pada 1hb. Jun 2012, untuk menggantikan atau untuk mengisi kekosongan berikutan perkhidmatan Y.B. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff, sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada 30hb. Mei 2012. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamed dilahirkan pada 20hb. Mei 1952 di Pahang dan berumur 60 tahun.

Berkelulusan *Bachelor of Business Administration* dan merupakan Setiausaha Eksekutif Kesatuan Persatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perusahaan Alat-alat Pengangkut dan Sekutu di Negeri Selangor. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia atau MTUC dari tahun 2004 hingga 2010, Ahli Lembaga Pengarah KWSP dari tahun 2005 hingga 2011, Ahli M10, Ahli Ganti Badan Pentadbiran (ILO) di Geneva dari tahun 2005 hingga 2010, Presiden Majlis Kesatuan Pekerja Seluruh Asean, Ahli Panel Janakuasa Mahkamah Perusahaan

Malaysia, Ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib Peguam-peguam dan Mantan Ahli Majlis Penasihat Buruh Nasional. Beliau berpengalaman terlibat dalam aktiviti dan Gerakan Kesatuan Pekerja di Malaysia sejak lebih 38 tahun yang lalu, serta pernah mewakili Negara dalam pelbagai forum persidangan *conference* di peringkat nasional dan International. Berdasarkan kepada pengalaman beliau saya berpendapat bahawa cadangan pelantikan beliau sebagai Senator akan membolehkan beliau mewakili hasrat dan suara rakyat Pulau Pinang, Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada sokongan

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong

Y.B. Dato' Speaker:

Kalau tidak ada cadangan lain, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah dua orang calon telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama 3 tahun mulai 1hb. Jun 2012 iaitu Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamed.

Ahli-ahli Yang Berhormat setuju katakan "Ya". Yang tidak setuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya".

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya". Lebih banyak usul diterima, tahniah kepada yang terpilih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih sepanjang sidang DUN semenjak 2008 lagi, didahului dengan Y.A.B. Ketua Menteri, Barisan EXCO dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang atau pun daripada Kerajaan. Saya berharap akan berjumpa lagi pada sidang Dewan yang akan datang walau bagaimanapun Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan bermesyuarat dan notis mesyuarat akan diumumkan kepada semua jawatankuasa yang terlibat dan sedikit hari lagi. Saya ucapkan selamat berjaya dalam sekiranya Pilihan Raya ke 13 diadakan dalam tempoh yang terdekat ini, cuma satu kerusi sahaja yang selamat iaitu kerusi speaker, bukan Speaker, kerusi Speaker. Jadi sekian Dewan ditangguhkan pada satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

Dewan ditangguh pada jam 4.30 petang.